

Jilid II
Bil.20



Hari Isnin
5hb Januari, 1981

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PERLANTIKAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA:

Y. B. Tan Sri Ismail Khan [Ruangan 2445]

MENGANGKAT SUMPAH:

Tan Sri Zaiton Ibrahim [Ruangan 2447]

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin [Ruangan 2447]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 2447]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2447]**

USUL:

**Merakamkan Ucapan Terima Kasih kepada bekas Yang di-Pertua dan bekas
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara [Ruangan 2481]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir [Ruangan 2506]

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) [Ruangan 2520]

MALAYSIA
PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T.,
P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI
PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M.,
S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Terengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARUZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAH LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR BIN MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.,
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahaya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Isnin, 5hb Januari, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

PERLANTIKAN YANG DI-
PERTUA DEWAN NEGARA

Y.B. Tan Sri Ismail Khan

Menteri Tak Berpotfilo (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Saya mohon menyokong cadangan itu.

Tuan Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka menurut Peraturan Mesyuarat 2 ceraiannya (3), saya memasyhurkan dengan rasminya bahawa Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara (*Tepuk*).

(Dengan pemasyhuran Tuan Setiausaha, Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan dibawa ke Kerusi oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Nasir dan Yang Berhormat Tuan Michael Wong Kuan Lee)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bersyukur kepada Allah s.w.t. atas lantikan saya ini.

Walaupun saya baru sahaja menjadi Ahli Dewan ini, saya berharap pengalaman saya di dalam perundangan negara dan dengan kerjasama Ahli-ahli sekalian akan dapat membimbing saya menjalankan keadilan di dalam Dewan yang mulia ini supaya semua urusan akan berjalan dengan lancar dan penuh tertib.

Saya berasa sungguh bangga di atas kepercayaan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada saya untuk membolehkan saya memegang jawatan yang tertinggi ini dan saya akan cuba dengan sedaya upaya saya mengekalkan kepercayaan dan penghargaan yang telah diberikan kepada saya ini di dalam menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertua Dewan.

Saya akan cuba mencontohi bekas Tuan Yang di-Pertua Tuan Yang di-Pertua yang terdahulu daripada saya, terutama sekali Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong yang baru bersara dari Dewan ini.

Saya menyebut terutama sekali Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong oleh kerana beliaulah yang lama sekali memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan ini di antara lain-lain Yang di-Pertua sebelum saya. Saya akan cuba menandingi kepintaran beliau bukan sahaja sebagai Pengerusi yang adil dan sangat bertimbang rasa di dalam Dewan ini tetapi juga di dalam bidang kepimpinan yang begitu cemerlang yang telah beliau tunjukkan sebagai Ketua Ahli-ahli Dewan ini. Kepada beliau saya berdoa mudah-mudahan beliau panjang umur dan sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat dan dapat menikmati sepenuhnya rahmat Tuhan semasa beliau dalam persaraan.

Di atas penghargaan dan kepercayaan yang telah diberikan kepada saya izinkanlah saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pucuk pimpinan kita, kepada pencadang dan penyokong perlantikan saya dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang telah bersatu hati menyokong saya. Saya berazam akan menjalankan tugas saya dengan penuh tanggungjawab dalam mempertahankan tradisi dan integriti Dewan ini sebagai sebuah badan perundangan yang

lebih berkesan lagi. Dengan berkat Allah Subhanahu wa taala saya yakin dengan sokongan dan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat semua, kita semua akan berjaya.

Majlis ditempo selama 5 minit.

Persidangan ditempo pada pukul 2.38 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 2.43 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tan Sri Zaiton Ibrahim.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin.

PENGUMUMAN YANG DI- PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baru

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semua Ahli-ahli yang baru dilantik dan dipilih itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERKHIDMATAN PEMEGANG AMANAH RAYA

1. Tuan M. Mahalingam minta Perdana Menteri menyatakan mengapa kurang sangat pengumuman kepada orang awam mengenai Perkhidmatan Pemegang Amanah Raya dan menyatakan jumlah kes-kes yang diuruskan oleh Pemegang Amanah Raya dalam 5 tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Pemegang Amanah Raya telah mencuba sedaya upaya meluaskan penerangannya kepada orang ramai mengenai dengan perkhidmatannya. Tiap-tiap kali Menteri dan Timbalan Menteri membuat lawatan ke Jabatan-jabatan Pemegang Amanah Raya di seluruh Malaysia mereka sentiasa membuat kenyataan akhbar menerangkan peranan yang dimainkan oleh Jabatan ini untuk menolong orang ramai serta memberi angka-angka kes amanah dan kes-kes pesaka yang telah dan sedang diselenggarakan oleh Jabatan itu dari semasa ke semasa. Penerangan-penerangan lain yang diberi ialah melalui ceramah-ceramah di majlis-majlis orang ramai, radio dan juga siaran di dalam majalah-majalah selain dari akhbar-akhbar. Selama ini sambutan orang ramai terhadap perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Pemegang Amanah Raya adalah amat menggalakkan. Jumlah kes-kes yang diuruskan oleh Jabatan Pemegang Amanah Raya semenjak 5 tahun kebelakangan ini ialah seperti berikut:

Kes Amanah:

Dari tahun 1976 sehingga Oktober, 1980 ialah sebanyak 11,117 kes yang diterima dan 4,632 kes diselesaikan.

Nilai kes-kes amanah termasuk nilai bagi kes-kes yang dibawa ke hadapan dari tahun 1975 ialah berjumlah \$84,045,423.

Mengenai dengan pesaka pula dari tahun 1976 hingga Oktober, 1980 jumlah kes pesaka yang diterima ialah sebanyak 9,175 kes dan jumlah yang diselesaikan ialah sebanyak 7,421 kes.

Nilaian harta pesaka termasuk nilai bagi kes-kes yang dibawa ke hadapan dari tahun 1975 ialah sebanyak \$158,118,575.

Ini bermakna kalau diambil kira 5 tahun sahaja kebelakangan ini jumlah ke semua amanah dan pesaka yang diselenggarakan oleh Jabatan Pemegang Amanah Raya di seluruh Malaysia ialah berjumlah 34,845 kes yang mana nilainya ialah berjumlah \$242,163,998.

RTM—LIPUTAN BERITA PARTI PROGRESIF RAKYAT

2. Tuan S.I. Rajah minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa Radio dan Televisyen Malaysia tidak menyiarkan berita-berita, kegiatan-kegiatan dan kenyataan-kenyataan mengenai issue kebangsaan yang dibuat oleh Parti Progresif Rakyat (People's Progressive Party).

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa RTM tidak menyiarkan berita-berita kegiatan-kegiatan mengenai issue kebangsaan yang dibuat oleh Parti Progresif Rakyat. Liputan berita-berita RTM adalah berdasarkan keutamaan dari segi kepentingan nasional. Jika kenyataan-kenyataan yang diterbitkan oleh Parti Progresif Rakyat itu mempunyai kepentingan nasional, maka berita-berita tersebut akan disiarkan, tetapi semenjak kebelakangan ini Parti Progresif Rakyat tidak banyak membuat kenyataan-kenyataan sama ada kenyataan-kenyataan akhbar atau kenyataan-kenyataan lain yang boleh dipetik oleh RTM sebagai berita yang menyentuh tentang kepentingan-kepentingan nasional.

BEKALAN ELEKTRIK KE PULAU LANGKAWI

3. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah peruntukan tambahan yang akan diuntukkan kepada LLN bagi memperluaskan pembekalan kuasa letrik keseluruhan Pulau Langkawai oleh kerana peruntukkan \$4.3 juta yang diuntukkan sekarang ini hanya untuk mengambil alih kuasa elektrik yang ada sekarang bagi kegunaan penduduk-penduduk di sekitar pekan Kuah sahaja.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Y.B. Senator, saya memberitahu bahawa di samping \$4.3 juta yang telah pun diperuntukkan untuk mengambil alih pemasangan elektrik swasta di Pekan Kuah, Kerajaan Persekutuan juga sedang menimbang untuk mebiayai sebanyak 14 lagi projek bekalan elektrik di bawah

Rancangan Malaysia Keempat (RME). Projek-projek ini akan memberi bekalan kuasa elektrik kepada 49 buah kampung di Pulau Langkawi. Apabila kesemua 14 projek yang akan menelan belanja sebanyak \$4,529,000 itu siap menjelang akhir tahun 1985 kelak, seramai 3,060 keluarga lagi akan mendapat manfaat.

JAWATAN ATACHE DI KEDUTAAN MALAYSIA LUAR NEGERI

5. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) jawatan-jawatan atache yang biasanya terdapat di kedutaan-kedutaan Malaysia di Luar Negeri; dan
- (b) adakah terdapat atache pelajaran dan atache Agama Islam di kedutaan-kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di negara-negara yang mempunyai ramai pelajar-pelajar Malaysia seperti England, Amerika Syarikat, Australia dan lain-lain.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, sebagaimana sedia maklum atache adalah terdiri dari pegawai-pegawai Kementerian lain yang ditempatkan di perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri. Atache-atache yang terdapat di perwakilan-perwakilan Malaysia ialah Atache-atache Perdagangan, Pelajaran, Tentera, Pertahanan, Imigresen dan baru-baru ini Buruh.

Atache Pelajaran memang ada ditempatkan di negara-negara yang mempunyai ramai pelajar-pelajar Malaysia. Di neger-negara berkenaan juga ada ditempatkan pegawai yang berkelayakan mengendalikan perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam untuk pelajar-pelajar Malaysia.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar seumpama peristiwa Batu Pahat, apa yang berlaku di Batu Pahat itu maka perkara ini telah dipusing-pusingkan di luar negeri. Jadi apa

yang sebenar berlaku di Batu Pahat itu punca perkhawaran luar negeri telah dipusingkan dan terbalik, mereka mengatakan Kerajaan Malaysia satu Kerajaan yang menindas perkembangan dakwah. Jadi terbitnya perkara ini tidakkah dengan sebab tidak adanya kegiatan-kegiatan di Atache Pelajaran sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu Atache Pelajaran memang ada diadakan Bahagian Agama, tetapi kalau sekira ada Bahagian Agama, bagaimanakah boleh berlaku seumpama di Timur Tengah dan lain-lain perkara yang berlaku seumpama di Batu Pahat itu sudah diputar-belit dan dipusingkan menjadi sebegitu rupa.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, selepas berlaku peristiwa ini dengan serta-merta pihak Kementerian Luar Negeri memberikan penjelasan di atas peristiwa yang sebenar berlaku. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum putar-belit itu adalah satu perkara yang sukar kita atasi. Walau bagaimanapun, kita cuba menerangkan apa yang sebenarnya, tetapi ada juga segolongan yang suka melihat putar-belit itu berlaku khususnya pihak yang tak suka melihat kita aman dan makmur di dalam negara kita. Apabila penerangan yang jelas dan keterangan yang diberikan dengan sebenarnya, maka pelajar-pelajar kita hari ini yang tinggal di luar negeri sedar apa yang sebenarnya berlaku. Apabila keluar penjelasan daripada Menteri-menteri kita dalam negeri ini dan mereka membaca akhbar-akhbar, apa yang sebenarnya berlaku, mereka telah faham. Sekarang saya rasa putar-belit itu adalah diketahui oleh semua orang dan tidak sebenarnya berlaku apabila mendengar penjelasan yang sebenar.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri berkenaan Atache Pelajaran dan juga Diplomatik kita di Australia kerana pernah menjadi titik sejarah yang hitam di negara kita iaitu tunjuk perasaan penuntut di Australia kepada dua Perdana Menteri kita yang dikasahi yang tak pernah lawatan mereka di negeri lain telah berlaku iaitu penuntut menunjuk rasa tak puashati iaitu kepada

bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak dan Yang Amat Berhormat Dato' Hussein, Perdana Menteri kita sendiri sewaktu melawat Australia. Adakah benar ini adalah satu kelemahan diplomatik kita yang menyebabkan berlaku tragedi yang kita pandang amat serius ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi penjelasan yang lanjut apabila perkara ini timbul pada masa yang lepas di Dewan yang mulia ini. Saya rasa kita janganlah bimbang di atas peristiwa yang berlaku itu kerana kita tidak khuatir di atas tunjuk perasaan yang dilakukan di negara-negara seperti di Australia dan juga di negara-negara lain. Saya suka juga menyatakan tidaklah benar dibebankan atas kelemahan pegawai-pegawai kita yang tidak memberikan penjelasan, tetapi seperti saya sebut ada segolongan orang, bahkan orang kita, penuntut-penuntut yang suka melihat, dan kita telah melihat dalam negara kita sendiri sedikit sebanyak ada yang tidak bersetuju melihat negara kita makmur dan sebagainya, tetapi saya suka menyatakan segolongan kecil sahaja iaitu yang telah pun keluar daripada garis perjalanan yang sebenar. Penuntut perlu menjaga kelakuan mereka sendiri.

PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (P.T.D.) DI PAHANG

7. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat kekurangan Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik (MCS) untuk berkhidmat sebagai Pegawai Daerah dan lain-lain terutamanya di Negeri Pahang.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (P.T.D.) mempunyai pegawai yang cukup untuk ditempatkan berkhidmat di negeri-negeri sebagai Pegawai Daerah dan lain-lain jawatan P.T.D. termasuklah di Negeri Pahang.

Bagi Negeri Pahang, daripada 51 jawatan P.T.D., 45 telah diisi termasuk semua 9 jawatan Pegawai Daerah di negeri tersebut. 6 jawatan yang belum diisi adalah di dalam

perancangan pengisian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam daripada pegawai-pegawai P.T.D. yang akan tamat berkursus di dalam dan luar negeri. Sementara itu 4 pegawai P.T.D. sedang berkhidmat secara pinjaman di negeri tersebut.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah benar lantikan pegawai-pegawai MCS dalam negeri kita ini dikehendaki terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada negeri, maknanya jika seorang Pegawai MCS yang kanan misalnya kita hantar ke sebuah negeri adalah dikehendaki dengan persetujuan negeri itu sendiri. Saya hendak bertanya adakah ini dikanunkan dalam peraturan undang-undang negara kita ataupun ini hanya satu rasa tola-ansur dan rasa hormat kepada negeri.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya telah dibincangkan di dalam perjumpaan antara Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan begitu juga antara pegawai-pegawai kanan. Sekiranya jawatan yang hendak dipenuhi itu adalah jawatan Kerajaan Negeri maka persetujuan Kerajaan Negeri adalah diperolehi dan sekiranya jawatan itu adalah jawatan Jabatan Persekutuan, maka Kerajaan Negeri akan diberitahu mengenai dengan pegawai yang telah ditukarkan atau ditugaskan untuk menjalankan tugas yang dikehendaki.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Saya suka hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apa sebab kadangkala bila pegawai bertukar ke negeri Pahang biasanya tidak begitu ghairah datang. Contohnya satu ketika empat daerah tidak ada Pegawai Daerah selama empat bulan dan tidak ada Pegawai Kewangan tidak kurang empat bulan juga. Adakah Yang Berhormat sedar perkara ini berlaku, dan kalau sedar, apakah sebab-sebabnya mereka itu tidak mahu atau berhajat berkhidmat di negeri Pahang?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya

rasa saya telah terangkan tadi, 45 daripada 51 jawatan telah pun diisi dan enam lagi sekadar menunggu Pegawai-pegawai P.T.D. yang sedang berkursus di luar negeri dan juga di dalam negeri.

Mengenai dengan kekosongan yang berlaku di satu masa, saya rasa itu hanya sementara dan pihak Perkhidmatan Awam berusaha sedaya-upaya untuk mengisikan kekosongan itu seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam.

Tuan V.V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

RUMAH PEKERJA-PEKERJA LADANG/LOMBONG

8. **Tuan V.V. Aboo** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah majikan ladang-ladang dan lombong-lombong yang telah bersetuju untuk melaksanakan skim pekerja-pekerja memiliki rumah sendiri dan nyatakan masalah-masalah yang dihadapi untuk mencepatkan pelaksanaan skim ini dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah itu.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada skim-skim yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil Kedah, Ladang Dovenby, Sungai Siput, Perak dan Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai, Selangor, sukacita saya menyatakan bahawa Kumpulan Guthrie Sdn Bhd, telah juga memulakan kerja-kerja membina 240 unit rumah di bawah skim ini di ladang Sengkang di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Di samping itu di dalam sektor perlombongan pula, Supreme Corporation Bhd, Petaling, dan Air Itam Tin Bhd, juga di Petaling telah menandatangani Surat Persefahaman dengan pihak berkuasa negeri Selangor, untuk melaksanakan Skim tersebut untuk faedah bekerja mereka, sementara

Sungai Besi Tin Bhd sekarang sedang dalam proses peringkat akhir urusan mereka dengan Kerajaan negeri Selangor.

Ada beberapa lagi majikan-majikan ladang dan lombong di seluruh negara telah menyatakan minat dan persetujuan mereka untuk menyertai skim ini. Majikan-majikan yang berkenaan sekarang dalam proses memilih tapak yang sesuai, menyediakan pelan-pelan bangunan dan lain-lain dan adalah berhubung rapat dengan pihak berkuasa negeri untuk mendapatkan kelulusan sebelum melancarkan skim tersebut.

Kementerian saya telah mengadakan perbincangan dengan berbagai-bagai Kerajaan Negeri untuk peraturan-peraturan dan garis panduan dalam melaksanakan skim tersebut di dalam tiap-tiap negeri kerana soal tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Dalam soal ini sukacita saya menyatakan bahawa semua pihak berkuasa negeri telah memberi pengakuan mereka bahawa semua permohonan dari majikan-majikan dalam soal ini akan diproses dengan cepatnya dan akan hanya mengenakan bayaran yang kecil sahaja bagi permohonan menukar syarat dan lain-lain. Setengah-setengah Kerajaan Negeri telah juga menyediakan garis panduan untuk membantu majikan-majikan dalam melaksanakan skim tersebut dengan seberapa segera yang boleh.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, skim ini memerlukan penyertaan sukarela daripada tuan-tuan punya ladang dan lombong. Kementerian saya sedang bergiat untuk menggesa lebih ramai majikan-majikan ladang dan lombong untuk menyertai skim ini supaya lebih ramai pekerja-pekerja yang akan mendapat faedahnya.

Terdapat beberapa masalah yang berkaitan dengan pinjaman kewangan dan lain-lain, dan juga masalah mendapatkan kemudahan asas seperti air dan api bagi skim-skim tersebut. Perkara-perkara ini dan pendekatan am untuk menyelesaikan masalah ini telah dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan dan kita berasa yakin bahawa ia akan dapat diselesaikan juga.

Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya kadar kemajuan dalam melancarkan skim ini adalah lambat. Akan tetapi kita perlu ingat bahawa ini adalah skim yang baru dan semua pihak-pihak yang berkenaan sudah tentu memerlukan masa untuk memahaminya secara terperinci. Saya berharap skim ini akan dapat berjalan dengan lebih cepat lagi pada tahun-tahun hadapan.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menerangkan bahawa majikan-majikan ladang, majikan-majikan lombong telah pun bersetuju untuk melaksanakan skim ini. Di sini saya suka bertanya apakah tindakan Kerajaan terhadap majikan-majikan ladang dan majikan-majikan lombong yang tidak melaksanakan skim yang tersebut?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi skim ini adalah satu skim yang berkehendakkan penyertaan sukarela daripada majikan-majikan dan setakat ini sudah ramai majikan yang telah pun tampil ke hadapan untuk menyertainya. Jika ada majikan-majikan yang enggan menjalankan skim-skim ini, Kementerian saya akan menyiasat keadaan yang sebenar dan menentukan adakah halangan-halangan yang realistik yang tidak membolehkan majikan-majikan itu tampil ke hadapan. Kalau tidak kita kenalah membincangkan dengan majikan-majikan itu untuk menggalakkan mereka. Jika perlu, Kementerian saya boleh juga selepas beberapa tahun pengalaman menjalankan skim ini mengadakan langkah undang-undang yang perlu.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

9. Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Dris minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah cadangan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat projek perumahan harga murah dibina di daerah luar bandar negeri Sarawak. Jika ada berapa banyaknya dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada cadangan untuk

membina rumah-rumah awam kos rendah di kawasan luar bandar negeri Sarawak. Setakat ini beberapa kawasan luar bandar sedang dipertimbangkan untuk pelaksanaan rumah-rumah awam kos rendah itu. Jumlah unit yang akan dibina di sesuatu kawasan bergantung kepada keadaan kawasan yang berkenaan dan juga keperluan rakyat kawasan itu untuk rumah-rumah awam kos rendah.

Pada masa ini saya tidak dapat memberitahu bilangan unit yang dicadangkan untuk kawasan luar bandar negeri Sarawak bagi Rancangan Malaysia Keempat oleh sebab perkara ini masih dalam pertimbangan Kerajaan dan sesuatu keputusan mengenainya belum diperolehi lagi.

PENUNTUT MALAYSIA KE CANADA— KESULITAN

10. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang sudah diambil oleh Kementeriannya mengenai penghantaran beramai-ramai penuntut Malaysia ke satu Universiti di Canada sehingga banyak menimbulkan kesulitan dan kesan tidak baik kepada penuntut-penuntut tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi memastikan kejadian ini tidak berulang lagi adalah dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan di bawah Kementerian Pelajaran bagi menyelaraskan kerja-kerja penghantaran semua pelajar-pelajar ke seberang laut yang menerima biasiswa dari penganjur-penganjur. Jawatankuasa ini akan merangka strategi penempatan yang sesuai dan juga mengkaji dari masa ke semasa dan membuat penilaian institusi-institusi di seberang laut yang berkualiti dan mempunyai taraf yang baik. Melalui strategi penempatan ini, pelajar-pelajar dapat diselerakkan supaya tidak timbul kelompok ramai pelajar-pelajar di satu-satu institusi pelajaran tinggi dan mengelakkan timbulnya gejala-gejala yang kurang sihat.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab tetapi saya ingin tahu adakah Kerajaan telah benar-benar mengambil tahu dan menyakinkan bahawa setiap pelajar-pelajar yang belajar di luar negeri itu mendapat jaminan dan benar-benar sekolah itu ada.

Kedua, berapakah perbelanjaan tambahan Kerajaan bagi menyelesaikan terkandasnya pelajar-pelajar ini di Canada, dan yang ketiga, adakah Kerajaan menitikberatkan kepada mereka dan adakah melalui Kerajaan antara Kerajaan soal pemergian mereka ini ataupun iklan-iklan bloker yang mencari keuntungan ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan Jawatankuasa seperti yang telah saya terangkan dalam jawapan saya tadi, tentulah masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat diambil kira dan kita akan cuba sedaya upaya supaya penuntut-penuntut yang akan di hantar keluar negeri dapat menumpukan minat bukan sahaja disegi pelajaran tetapi juga dari segi keadaan sosial, kebajikan dan sebagainya. Kita tentulah akan mengambil kira dan kita tentu akan berjaga-jaga supaya mereka dapat ditempatkan di universiti-universiti dan juga perjalanan pelajaran mereka dengan lebih berkesan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

11. Tuan Oh Siew Aun : *(di bawah S.O. 23 (2))* minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam supaya menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya dan dengan demikian mengurangkan kesesakan lalulintas di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat beberapa agensi Kerajaan terlibat dalam kawalan sekatan lalulintas iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan di Kementerian Pengangkutan; Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di Kementerian Perusahaan Awam; Dewan Bandaraya di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan Polis di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan cuma menyelaraskan kerja yang dijalankan oleh agensi-agensinya tersebut.

Pengangkutan awam memanglah merupakan satu jenis pengangkutan yang digalakkan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Ini adalah kerana sebilangan besar rakyat kita bergantung kepada pengangkutan awam terutamanya bas untuk berulang-alik dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan bas supaya menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya adalah seperti berikut:

- (1) Menghapuskan cukai tempat duduk yang dikenakan ke atas bas.
- (2) Menghadkan penggunaan bas yang umurnya melebihi 12 tahun.
- (3) Menggalakkan penggunaan bas yang muatannya lebih.
- (4) Menambahkan bilangan bas. Masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya adalah timbul dari keadaan kekurangan bilangan bas yang dijalankan. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan penambahan perkhidmatan bas dan baru-baru ini Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan telah pun meluluskan permohonan permit bas yang bermakna penambahan bas-bas untuk memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan kepada orang ramai.
- (5) Mengadakan skim lorong bas di mana bas sahaja yang boleh menggunakan lorong ini. Skim ini telah diperkenalkan di Kuala Lumpur untuk membantu bas

bergerak dengan cepat pada masa peak hours.

- (6) Menggalakkan pengusaha-pengusaha bas supaya mengadakan bas 2 pintu; satu untuk penumpang-penumpang menaiki bas dan satu untuk mereka turun dari bas. Cadangan ini telah diterima dan diikuti oleh setengah pengusaha-pengusaha bas dan bagi mereka yang lain persediaan telah dibuat untuk mengadakan bas 2 pintu. Adalah ternyata bahawa kelambatan bas bergerak di sesuatu perhentian adalah disebabkan pemakaian satu pintu sahaja untuk menumpang naik turun dari bas.
- (7) Mengkaji laluan-laluan bas berhenti di Kuala Lumpur dan sekitarnya. Kajian ini sedang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Tujuan mengkaji laluan-laluan bas ini adalah untuk memperbaikinya dan mewujudkan laluan-laluan di mana sekarang ini tidak terdapat sebarang perkhidmatan. Juga diambil kira di dalam menyusun semula laluan-laluan ini kelak adalah mengurangkan masa menunggu bas, mengurangkan waktu perjalanan di dalam bas dan memendekkan jarak berjalan kaki di antara perkhidmatan bas; dan
- (8) Mengkaji kemungkinan mengadakan Mass Transit untuk Bandaraya Kuala Lumpur. Berkenaan dengan perkara ini saya percaya Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan tentulah akan memberi keterangan yang lebih lanjut semasa menjawab soalan No. 15.

SINDIKET MENCURI BARANG-BARANG

12. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil dan akan dibuat terhadap sindiket membeli, menjual dan mengedar barang-barang curi seperti radio, keset dan lain-lain lagi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, tindakan undang-undang di bawah Kanun Kesiksaan telah dan akan diambil

terhadap mereka yang didapati bersalah kerana membeli, menjual dan mengedar barang curi. Di samping itu tindakan di bawah Enakmen Kediaman Terhad, Bab 39 juga akan dikenakan terhadap sindiket-sindiket untuk mencegah mereka daripada melakukan jenayah ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1978 sehingga 1980 terdapat hanya satu sindiket yang membeli, menjual dan mengedar barang curi.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di saat-saat akhir ini kalau kita analisa gejala yang tidak sihat yang saya pandang, kita tidak boleh lepaskan begitu sahaja, misalnya rompakan, curi, menyamun, mengganas, seolah-olah berlaku dengan hebatnya di negeri kita. Saya rasa sekarang dengan keadaan semacam ini orang-orang kaya termasuk Yang Berhormat Menteri-menteri kita pun takut sekarang ini baik di rumah ataupun hendak berjalan dengan kereta besar atau sebagainya.

Saya hendak bertanya, nampaknya keganasan rompakan ini siang-siang pun, malam apa lagi, tengah jalan, di bandar atau di kampung-kampung, di saat-saat akhir ini menjadi-jadi benar. Saya suka bertanya, adakah pada pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri ini ada gejala dari luar negeri yang datang ke tempat kita seolah-olah macam 3K di Amerika dahulu yang amat bahaya, ia tidak peduli siapa, di mana-mana sahaja mereka berani melakukan macam ini. Adakah ini satu gejala dari luar negeri?

Yang kedua, adakah sampai kita memikirkan demi keselamatan umum di negeri kita yang kita hendak menuju kemakmuran, amam damai, perkara ini kita hendak elakkan sungguh-sungguh dan hendak mengatur polis khas dalam negeri kita khusus untuk menjaga perompak-perompak yang sangat mengganas yang saya pandang amat merbahaya kepada negeri kita kalau kita tidak mengambil langkah yang lebih berkesan.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, ada beza antara curi dengan rompak. Jawapan saya tadi khusus untuk barang-barang curi. Tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat bertanya mengenai rompakan dan

soalan Ahli Yang Berhormat juga merupakan soalan yang ada pada hati banyak orang, eloklah saya menyentuh sedikit mengenai perkara ini.

Daripada statistik yang ada pada kita sejak tahun 1975 sehingga akhir tahun 1980 tidak ada kejadian ataupun keadaan yang mengejut dari segi perkembangan jenayah di dalam negara ini. Tetapi ada satu golongan yang memang mengambil kesempatan lebih-lebih lagi dengan adanya kejadian di Batu Pahat untuk sengaja membesar-besarkan masalah ini untuk menimbulkan kecurigaan masyarakat atas kemampuan pihak polis. Tetapi ini tidak bererti bahawa jenayah di negara ini lebih berat daripada pengalaman kita di masa-masa yang telah lalu. Oleh kerana negara kita sekarang ini tidak mempunyai isu-isu yang besar-besar maka perhatian masyarakat sudah tertumpu kepada masalah jenayah seperti curi dan merompak. Oleh itu ingin saya menekankan di sini bahawa bukanlah kerana jenayah sudah menjadi bertambah hebat jika dibandingkan dengan masa yang telah sudah maka gambaran yang ada di dalam masyarakat begitu sekarang. Tetapi oleh kerana latar belakang negara yang begitu aman dalam keadaan isu yang sudah berkurangan maka perkara-perkara yang di masa lalu tidak mendapat perhatian masyarakat sekarang ini sudah timbul sebagai satu perkara yang perlu mendapat perhatian.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada pihak Yang Berhormat yang telah menjawab dengan memuaskan tetapi ada sedikit lagi soalan tambahan. Tidakkah dapat Kerajaan mengambil tindakan yang paling berat terhadap sendiket-sendiket ini? Yang kedua, tidakkah dapat apabila perkara ini berlaku pihak berkenaan membuat penyiasatan yang lebih mendalam dan memuaskan, sebab perkara yang saya timbulkan ini oleh kerana kejadian pecah motokar, radio, tape dan sebagainya berlaku menjadi jadi. Apabila kita membuat report hanya sambil lewa sahaja. Sebab itu saya bertanya soalan kedua ini, dapatkah tidak pihak berkenaan mengambil berat sedikit dalam membuat penyiasatan yang saya tanyakan itu.

Tuan Sanusi bin Junid: Sekali lagi saya ingin membezakan antara sedikit dengan pencuri perseorangan. Sendiket bererti satu kumpulan yang lebih daripada seorang. Daripada tahun 1978 hingga sekarang hanya ada satu kes sahaja yang melibatkan sendiket. Jika soalan Yang Berhormat ditujukan kepada pencuri perseorangan, maka perangkaannya begini.

Pada tahun 1978 ada 47 kes yang dilaporkan.

Pada tahun 1979—57 kes dan pada tahun 1980—36 kes.

Hukuman yang diberi ke atas mereka yang ditangkap adalah lumayan beratnya. Umpamanya bagi mereka yang didapati bersalah maka mereka boleh didenda untuk masa 2 tahun dan 3 tahun. Jumlah ini dianggap cukup berat bagi orang-orang yang mencuri radio, keset dan lain-lain. Oleh kerana beratnya hukuman inilah maka selama 3 tahun ini hanya ada satu sendiket sahaja yang membuat kerja ini.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Kalau saya tidak salah, dalam tahun lalu soal jenis rompakan dipersisiran perairan Negeri Sabah telah saya bangkitkan pada masa itu. Menteri yang berkenaan menjawab yang rompakan itu bukanlah satu rompakan tetapi satu perkara yang luar biasa dan akan diasiat. Saya ingin tahu berapa lamakah Kementerian yang berkenaan dapat mengesahkan jenis rompakan yang baru-baru ini berulang lagi sehingga mencemaskan penduduk-penduduk di persisiran Negeri Sabah.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana beza antara sendiket mencuri radio dan keset dengan rompakan di Sabah begitu jauh, maka saya memerlukan notis untuk soalan ini

ASEAN—DASAR PERTANIAN

13. **Puan Rahmah Othman** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau akan cuba mengesyorkan satu dasar pertanian (common agriculture policy) untuk kepentingan rakyat kelima-lima negara dalam ASEAN.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Pertanian ASEAN yang telah diadakan di Manila pada 28hb dan 29hb Ogos tahun 1979, dasar pertanian yang sama telah pun dibincangkan. Mesyuarat itu telah berpendapat bahawa tiap-tiap negara patut mengikuti Dasar Pertanian berasaskan kepada keadaan yang terdapat dalam negara masing-masing tetapi ada beberapa bidang yang tertentu di mana program bersama ASEAN boleh dilaksanakan dan bidang-bidang tersebut telah diperkenalkan seperti berikut:

- (1) Penubuhan satu "Common Quarantine Ring" bagi bahan-bahan tanaman dan haiwan;
- (2) Mengumpulkan penyelidikan dan teknologi;
- (3) Bekerjasama dalam bidang latihan dan kemudahan-kemudahan perkembangan.

DOKTOR-DOKTOR WANITA ASING— TARAF PENDUDUK TETAP

14. **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan permohonan yang diterima dari doktor-doktor wanita terdiri daripada isteri-isteri warganegara tetapi belum diberi status "permanent stay"; dan
- (b) sama ada beliau bercadang melantik ke dalam perkhidmatan Perubatan isteri-isteri tersebut yang belum diberi status "permanent stay" sebagai doktor perubatan; jika tidak nyatakan sama ada tindakan ini merupakan pembaziran tenaga manusia memandangkan terdapatnya kekurangan doktor perubatan yang serius di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a) Sebanyak 21 permohonan telah diterima dari doktor-doktor wanita asing yang terdiri dari isteri-isteri

warganegara yang masih belum diberi taraf penduduk tetap;

- (b) Doktor-doktor wanita asing yang terdiri daripada isteri-isteri warganegara yang masih mendapat taraf penduduk tetap boleh dipertimbangkan untuk lantikan sebagai Pegawai Perubatan Sementara dengan syarat mereka mempunyai kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan dan kelayakan untuk didaftar penuh oleh Majlis Perubatan Malaysia.

SISTEM MONORAIL DI BANDARAYA

15. Tuan Yap Peng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk mengadakan sistem monorel (monorail) di Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan kesesakan lalulintas yang semakin bertambah sekarang.

Timbalan Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan menggunakan berbagai-bagai jenis pengangkutan awam seperti monorail, flight rail transit dan lain-lain di Bandaraya Kuala Lumpur terutama untuk mengatasi kesesakan lalulintas yang semakin bertambah sekarang. Ibu Negara juga akan mempunyai sistem pengangkutan termoden bas udara (aerobus) sekiranya kajian yang dijalankan menunjukkan perkhidmatan itu sesuai.

SUKATAN PELAJARAN DI MAKTAB TENTERA DI RAJA

16. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi pelajaran dari segi akademik dan ketenteraan di Maktab Tentera Di Raja Sungai Besi dan sama ada pihak tentera akan mengambil alih sepenuhnya pentadbiran Maktab itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, sistem pelajaran

akademik yang terdapat di Maktab Tentera Di Raja Sungai Besi adalah sama dengan sistem pelajaran di sekolah-sekolah Kerajaan yang lain. Begitu juga sukatan pelajaran yang diajar adalah mengikut sukatan pelajaran yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran. Apa-apa rancangan untuk mengubah sistem pelajaran yang terdapat di Maktab Tentera Di Raja adalah tertakluk kepada dasar Kerajaan mengenai pelajaran yang disalurkan melalui Kementerian Pelajaran.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini selanjutnya, Maktab Tentera Di Raja ini ditadbirkan bersama oleh pihak awam dan tentera dan pihak tentera belum ada rancangan untuk mengambil alih sepenuhnya pentadbiran Maktab tersebut.

PENUNTUT MALAYSIA DI UNITED KINGDOM

17. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan serta kejayaan yang dicapai untuk membantu penuntut-penuntut Malaysia di United Kingdom untuk mengatasi yuran tinggi.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah di peringkat antarabangsa dan juga di peringkat dalam negeri bagi tujuan membantu penuntut-penuntut Malaysia di United Kingdom yang mengalami kesempitan kewangan akibat kenaikan yuran pengajian di sana iaitu seperti berikut:

Tindakan di peringkat antarabangsa

- (1) Satu mesyuarat antara Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara-negara Komanwel termasuk Pesuruhjaya Tinggi Malaysia telah diadakan di Malborough House pada 10hb April, 1980, dalam mana pandangan tidak puashati Kerajaan-kerajaan negeri Komanwel telah disampaikan kepada Kerajaan British.
- (2) Satu persidangan Menteri-menteri Pelajaran Komanwel telah diadakan di Colombo, Sri Lanka pada bulan Ogos 1980. Dalam persidangan itu Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah

membangkitkan isu kenaikan yuran ini dan hasilnya isu tersebut telah menjadi satu agenda penting untuk perhatian negara-negara Komanwel. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengadakan perjumpaan khas dengan Yang Berhormat Setiausaha Negeri Pelajaran dan Sains, United Kingdom mengenai perkara yang sama. Hasil pertemuan tersebut, negara British telah mengetahui masalah yang dihadapi oleh Malaysia secara lebih dekat lagi dan berjanji akan memperuntukkan sebanyak 40 biasiswa setahun daripada sejumlah 300 biasiswa setahun bagi pelajar-pelajar asing kepada pelajar-pelajar Malaysia.

Tindakan di peringkat dalam negeri

- (1) Kementerian Pelajaran telah pun menubuhkan satu Tabung Pusing pada tahun 1980 dengan peruntukan permulaan sebanyak \$750,000. Tabung ini adalah bertujuan memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang menghadapi kesempitan kewangan.
- (2) Kementerian Pelajaran bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam telah dan sedang berusaha mencari lebih banyak tempat pengajian di negara-negara lain selain daripada United Kingdom. Sehingga ini 2 delegasi di peringkat pegawai telah dihantar untuk tujuan tersebut.
- (3) Kementerian Pelajaran bersama-sama Universiti-universiti tempatan sedang berusaha merancang pembesaran dan perkembangan Universiti-universiti tempatan supaya setiap universiti dapat melebihi tempat pengajian pada masa hadapan. Skop dan kapasiti Universiti-universiti tempatan akan diperbesarkan dengan beberapa langkah seperti membina satu kampus baru di negeri Johor bagi satu universiti dan empat kampus-kampus cawangan bagi empat universiti yang lain. Tempat yang sebanyak kira-kira 26,000 sekarang dijangka akan dapat diperbesarkan kepada kira-kira 36,000 pada akhir Rancangan Malaysia Keempat nanti.

Dato' Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan iaitu tumpuan Kerajaan sekarang ini nampaknya kepada pelajar-pelajar di United Kingdom. Kita semua tahu bahawa fees pelajaran ini bukan sahaja naik di United Kingdom tetapi di negeri-negeri lain. Adakah Tabung Pusingan yang disebutkan tadi juga meliputi penuntut-penuntut di negeri-negeri lain yang mempunyai banyak penuntut Malaysia.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pusingan yang saya sebutkan tadi ialah cuma penuntut-penuntut di United Kingdom. Mengenai negeri-negeri yang lain, setakat hari ini cuma di negeri Australia kita ada merancang satu tabung khas tetapi ini akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada suatu masa kelak.

Dato' Haji Khalid bin Haji Abdullah: Bolehkah saya mendapat penjelasan iaitu sebahagian besar penuntut-penuntut kita ada di Timur Tengah. Adakah Kerajaan juga bercadang hendak menimbangkan supaya satu peruntukan seperti Tabung Pusingan ini dibuat untuk menampung pelajar-pelajar kita di Timur Tengah ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada keperluan tentulah kita akan beri pertimbangan dengan sewajarnya.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya menumpang bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan beberapa soalan. Berkenaan dengan kenaikan bayaran penuntut-penuntut di United Kingdom, Timbalan Menteri berkenaan cuma menyatakan langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan ialah berunding dengan Kerajaan British dan hasilnya 40 biasiswa diberi percuma. Tetapi adakah Kerajaan bercadang mengadakan beberapa bangunan asrama di United Kingdom sebagai satu daripada jalan supaya penuntut-penuntut ini tidak membiayai belanja yang besar dan juga satu daripada langkah-langkah yang baik supaya dapat pihak Kerajaan mengawal penuntut-penuntut ini?

Yang kedua, kalau sekiranya Kerajaan menyatakan akan menimbangkan untuk mengadakan asrama lagi, sebab saya tahu Malaysia Hall itu tidak mencukupi lagi oleh kerana bukan sahaja penuntut private bahkan penuntut Kerajaan sendiri yang pergi ke sana dan rumah itu tidak sesuai lagi dengan keadaan yang sekarang. Adakah Kerajaan sedar keadaan ini dan apa langkah yang kerajaan akan ambil?

Yang ketiganya, kalau sekiranya Kerajaan mengadakan asrama bagi mengurangkan bayaran penuntut-penuntut ini, adakah Kerajaan menimbangkan yang penuntut-penuntut private ini juga, jikalau ada tempat yang kosong boleh diberi kepada penuntut-penuntut yang datang daripada Malaysia ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pertama berkenaan dengan mengadakan asrama untuk penuntut-penuntut kita tentulah cadangan ini adalah satu cadangan yang baik tetapi kalau kita mengadakan suatu asrama lagi atau membeli satu bangunan lagi itu memerlukan belanja yang banyak dan juga penyelenggaraan dan pengendalian pun memerlukan kewangan juga. Tetapi suatu hal yang patut diberitahu di sini ialah mengenai kenaikan yuran persekolahan (tuition fees) yang terlampau tinggi sekarang di United Kingdom. Kos kehidupan harian itu barangkali cuma mengikut kadar inflasi sahaja tetapi yang terlampau tinggi ialah yuran persekolahan. Jadi tentulah jika diadakan asrama itu kita cuma boleh mengurangkan sebahagian beban sahaja. Ini barangkali tidak dapat menyelesaikan keseluruhan perkara tetapi cuma sebahagian sahaja iaitu kos kehidupan seharian barangkali boleh diringkaskan sedikit. Tetapi soal pokok ialah yuran persekolahan (tuition fee) terlampau tinggi. Setakat ini Kerajaan cuma dapat memberikan pertolongan dengan tabung pusingan ini untuk mengurangkan sebahagian pembayaran persekolahan sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita sudahpun memproses permohonan-permohonan dan setakat ini kita sudahpun meluluskan lebih kurang 282 orang penuntut-penuntut yang telah memohon dan layak untuk menerima bantuan itu.

Perkara yang kedua berkenaan dengan Malaysia Hall di Bryanston Square di London. Perkara ini tentulah beberapa tahun kebelakangan ini kita telah pun membelanjakan lebih kurang dekat \$2 juta untuk memperbaiki tetapi tidak dapat dibesarkan, cuma dapat direnovatekan dalam bangunan itu dengan memberikan partition dan juga upgradekan tandas dan sebagainya untuk memberikan keselesaan kepada penuntut-penuntut yang dapat ditempatkan di situ. Pihak Kementerian Pelajaran berharap kalau keadaan kewangan mengizinkan barangkali kita dapat mengadakan lebih banyak lagi Dewan Malaysia itu di Britain tetapi oleh kerana kewangan terhad, buat masa sekarang ini kita cuma dapat upgradekan Malaysia Hall untuk memberi kedudukan yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang bukan pelajar-pelajar sahaja yang dapat ditempatkan di Malaysia Hall tetapi ada kadangkala kita buka kepada penuntut-penuntut private supaya dapat memberikan kesenangan kepada mereka semasa mencari tempat tinggal untuk sementara waktu dan juga untuk mereka yang mengunjungi London semasa cuti sekolah kita pun dapat memberikan tempat jika ada kosong untuk mereka duduk sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 32 adalah diberi di bawah ini.)

BANTUAN PELAJARAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH

18. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa pemberian bantuan pelajaran kepada Sekolah-sekolah Rendah, Menengah dan lain-lain jenis sekolah, masih lagi mengikut Surat Pekeliling Kewangan Bil. 4/1974 dan jika sedar adakah Kerajaan bercadang akan menambah bantuan pelajaran kepada sekolah-sekolah agar seimbang dengan harga barang-barang.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pelajaran sedang menyiapkan satu kajian mengenai

kadar-kadar bantuan kewangan yang diberikan kepada sekolah-sekolah. Kajian ini meliputi bantuan bagi perpustakaan, sains dan hisab, seni pertukangan dan mata pelajaran-mata pelajaran lain. Berasaskan kajian ini Kementerian Pelajaran akan mencadangkan kadar-kadar baru yang sesuai dengan keadaan sekarang kepada pihak berkuasa untuk diluluskan bagi dilaksanakan kalau boleh dalam tahun ini.

RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan Kerajaan untuk menyediakan makanan yang berzat bagi kanak-kanak sekolah khususnya sekolah-sekolah di luar bandar.

Dato' Chan Siang Sun: Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah anjuran Kerajaan telah bermula pada tahun 1976, dan pada tahun 1980, rancangan ini telah melibatkan semua Sekolah Rendah di seluruh Malaysia. Keutamaan untuk menyertai Rancangan Makanan Tambahan adalah diberi kepada murid-murid sekolah di luar bandar. Menu-menu yang sedang digunakan telah disusun dengan nasihat daripada pakar-pakar pemakanan untuk memberi makanan yang berzat kepada kanak-kanak yang berkenaan.

EKONOMI BUMIPUTERA DI PULAU PINANG

20. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan Bumiputera Pulau Pinang dalam bidang ekonomi, pertanian dan perumahan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Soalan ini sangat umum dan merangkumi persoalan yang agak luas. Walaupun demikian, izinkan saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pada keseluruhannya penglibatan Bumiputera di Negeri Pulau Pinang di dalam bidang-bidang ekonomi, pertanian dan perumahan telah menunjukkan kemajuan

yang menggalakkan jika dibandingkan dengan kedudukan mereka dalam tahun-tahun 60an.

Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan dasar dan strategi pembangunan yang merangkumi program-program Perindustrian Desa, Perbandaran Desa, Pembaharuan Bandar, Kemajuan Sektor-sektor Pelancongan dan Pertanian serta penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Dengan pelaksanaan dasar, strategi dan rancangan-rancangan ini, peluang-peluang baru bagi pekerjaan, perniagaan dan perdagangan serta perusahaan telah diwujudkan. Sektor pembinaan juga merupakan sektor baru yang sangat pesat diceburi oleh Bumiputera.

Kesan di bidang ekonomi menunjukkan, dari sejumlah 53,577 pekerjaan baru yang diwujudkan di dalam kilang-kilang yang didirikan di negeri tersebut, sebanyak 24,000 (44.8%) darinya telah diisi oleh Bumiputera.

Di samping itu seramai 757 orang telah mendapat kemudahan bagi menjalankan perniagaan yang disediakan oleh Kerajaan yang berupa kereta roda tiga, kereta roda tiga dengan mesyen tebu, tapak perniagaan, bangsal-bangsal, motosikal, ruang-ruang perniagaan dan projek Belia Peladang. Ini tidak termasuk 57,054 kaki persegi (35.42%) ruang perniagaan yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang telah diperuntukkan kepada Bumiputera. Dari segi pinjaman bagi menjalankan perniagaan seramai 3,033 orang telah mendapat kemudahan ini dari MARA dan juga Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dalam sektor pembinaan pula dewasa ini terdapat lebih kurang 874 orang/syarikat, Kontraktor Bumiputera yang berdaftar di berbagai-bagai Agensi Kerajaan di Negeri Pulau Pinang berbanding dengan lebih kurang 200 orang/syarikat sahaja sepuluh tahun yang lalu. Berhubung dengan sektor perusahaan, Kerajaan sedang berusaha untuk menggalak dan memupuk Bumiputera di dalam bidang ini di mana beberapa projek yang meliputi bidang-bidang pengangkutan, hotel dan sebagainya sedang dikesan dan dirancangan.

Di dalam bidang pertanian Kerajaan Negeri sedang merancang untuk memajukan sektor ini dengan melaksanakan program pembangunan pertanian yang disatukan dengan perbelanjaan sebanyak \$30 juta dan juga menambah lagi projek-projek berkelompok seperti projek Sungai Chenaam di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Projek-projek bagi memulihkan tanah-tanah yang terbiar akan juga dilaksanakan.

Di bidang perumahan, dari sejumlah 7,710 unit rumah yang telah siap dibina oleh Agensi-agensi Kerajaan sejumlah 3,399 unit (44%) telah diperuntukkan kepada Bumiputera.

MURID DARJAH SATU DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA)

21. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pendaftaran kemasukan murid-murid baru (darjah satu) di dalam tahun 1981 yang ingin memasuki Sekolah Rendah (Jenis Kebangsaan) Cina mengikut pecahan jantina.

Dato' Chan Siang Sun: Bilangan murid yang telah didaftarkan untuk memasuki Darjah Satu dalam tahun 1981 bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) mengikut jantina adalah seperti yang berikut:

Lelaki..	44,982
Perempuan..	40,899
	<hr/>
	85,881

PAPAN TANDA PERNIAGAAN DALAM BAHASA MALAYSIA

22. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan supaya penggunaan nama-nama kedai, papan tanda perniagaan, dan taman-taman perumahan adalah di dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya di Negara ini; dan nyatakan sama ada Kerajaan akan menggunakan kuatkuasa undang-undang untuk mewajibkannya.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Kuasa untuk mengawal perkara pengiklanan adalah terletak di bawah pihak berkuasa tempatan. Di bawah undang-undang yang

tertentu, pihak berkuasa tempatan boleh tertakluk kepada pengesahan oleh pihak berkuasa Negeri, membuat apa-apa undang-undang kecil atau mengadakan aturan dan pengelolaan yang baik bagi kawasan pihak berkuasa tempatan untuk maksud mengatur, melesen, menyekat, melarang atau menghapuskan pameran iklan-iklan.

Setakat ini pihak berkuasa tempatan lazimnya adalah menggunakan undang-undang yang lama di bawah undang-undang kecil Town Board dalam perkara pengiklanan. Undang-undang lama itu pada keseluruhannya tidak mengandungi peruntukan khusus mengenai penggunaan Bahasa Malaysia. Oleh hal yang demikian, tidak dapat pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan dari segi undang-undang terhadap mereka yang engkar menggunakan Bahasa Malaysia dalam papan-papan tanda kedai-kedai/taman-taman perumahan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tindakan secara pentadbiran boleh diambil terhadap mereka itu iaitu dengan tidak melanjutkan lesen perniagaan apabila tamat tempoh lesen tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini pihak Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menyediakan undang-undang kecil baharu yang seragam mengenai perkara pengiklanan. Peruntukan-peruntukan yang menyentuh soal penggunaan Bahasa Malaysia bagi nama-nama kedai, papan tanda perniagaan dan taman-taman perumahan akan diadakan, yang mana akan menitikberatkan penggunaan Bahasa Malaysia. Saya yakin penggunaan tersebut bukan sahaja akan diberi keutamaan bahkan akan dijadikan perkara yang diwajibkan dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

RUMAH PANGSA DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

23. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah sebabnya pembinaan rumah-rumah pangsa di kawasan bandaraya Kuala Lumpur seolah-olah dihentikan dan rumah-rumah murah dan kos murah digalakkan walaupun harga tanah di sekitar bandaraya sangat tinggi.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Amar Haji Abdul Taib Mahmud): Pembinaan rumah-rumah pangsa di kawasan bandaraya Kuala Lumpur tidak dihentikan. Malahan kerja-kerja tersebut ada dan sedang dijalankan dalam berbagai peringkat pembinaan di beberapa tapak tertentu sekarang ini. Sebagai contoh, di Jalan Kenanga 3 blok rumah pangsa setinggi 17 tingkat (816 unit) telah siap dibina awal tahun ini dan di bahagian Sentul Utara (I dan II) pembinaan 3 blok 17 tingkat rumah pangsa yang mengandungi 768 unit perumahan hampir siap.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Dewan Bandaraya merancang untuk membina 24,712 unit rumah kos rendah. Daripada jumlah ini, 7,604 telah siap dibina, 7,552 dalam peringkat pembinaan dan 9,556 dalam peringkat kerja tanah.

Walaupun harga tanah di sekitar Kuala Lumpur sangat tinggi, Kerajaan perlu juga menggalakan pembinaan rumah-rumah kos rendah untuk membantu dan meningkat usaha Kerajaan bagi memenuhi permintaan yang mendesak daripada orang ramai untuk mendapat kos rendah.

Selain daripada Kerajaan sendiri mengutamakan pembinaan rumah-rumah kos rendah ini, pemaju-pemaju perumahan swasta di syarikat supaya sekurang-kurangnya dibina 30% rumah kos rendah dalam estate perumahan mereka. Dengam adanya rumah-rumah kos rendah ini, adalah di harapkan golongan-golongan berpendapatan rendah mampu menyewa atau membeli rumah-rumah tersebut.

PENJAJA—TARAF KEBERSIHAN

24. Dr Choo Kooi Fook: minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk meningkatkan taraf kebersihan penjaja-penjaja dan keadaan di sekitar tempat mereka berjaja.

Dato Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Dewan Bandaraya sedang berusaha meningkatkan taraf kebersihan dan keadaan

di sekitar tempat penjaja-penjaja, dan di antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- (1) Membina kompleks perniagaan dan gerai-gerai makan yang tetap di mana semua kemudahan bekalan air, letrik, pengangkutan sampah dan gerai-gerai yang lebih selesa dan teratur di sediakan seperti gerai makan di Komplek Pejabat-pejabat Kerajaan Jalan Duta, Jalan Sultan Mohamad, Kampung Konggo dan lain-lain.
- (2) Membina semula kawasan-kawasan penjaja bagi menempatkan penjaja-penjaja dalam kawasan yang lebih teratur dan kebersihannya dapat dijaga dengan rapi, contohnya di kawasan penjaja Jalan Haji Hussin di mana 363 petak penjaja sedang dibina semula dan gerai-gerai di kawasan ini bagi menempatkan semula penjaja makanan bermasak.
- (3) Menggalakan penjaja-penjaja bergotong-royong bagi menyedarkan mereka lebih berdisiplin menjaga kebersihan di sekitar tempat perniagaan mereka. Gotong-royong seperti ini sudah ada dan sedang di buat oleh Dewan Bandaraya di beberapa kawasan penjaja seperti di Jalan Haji Hussin, Jalan Pasar Baru, Kampung Pandan dan lain-lain.
- (4) Kakitangan Dewan Bandaraya memberi nasihat dan tujuk ajar kepada penjaja-penjaja ..cara-cara yang lebih baik membuang sampah-sarap.
- (5) Dewan Bandaraya juga sedang membaiki dan mengubah-suaikan gerai-gerai yang ada sekarang untuk di beri kemudahan kepada penjaja-penjaja dengan lebih baik lagi menjaga kebersihan di gerai-gerai mereka, umpamanya, 38 unit gerai-gerai makan di kawasan rumah pangsa Jalan Cheras sedang di baiki dan gerai-gerai makan di Jalan Young akan di baiki semula.
- (6) Dewan Bandaraya menguatkuasakan Undang-undang Kecil Penjaja Wilayah Persekutuan 1979 dan tindakan akan diambil terhadap penjaja-penjaja yang

tidak mematuhi Undang-undang ini dengan cara diberi amaran atau dikenakan kompaun.

LEMBAGA LETRIK NEGARA— KADAR TARIF ELEKTRIK

25. Tuan Alexander Lee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kadar-kadar elektrik di negara-negara ASEAN berbanding dengan kadar-kadar yang dikenakan oleh Lembaga Letrik Negara.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Yang Berhormat Senator suka saya memberitahu bahawa secara kasar, kadar tarif elektrik yang dikenakan oleh LLN adalah tinggi sedikit daripada kadar tarif elektrik yang dikenakan oleh negara-negara ASEAN yang lain. Saya akan mengambil masa yang panjang untuk membaca semua angka-angka perbandingan kadar tarif elektrik seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Senator itu tetapi Yang Berhormat Senator bolehlah berjumpa dengan saya selepas ini untuk mendapat butir-butir yang lengkap.

KOMPLEKS SUKAN—PEMBINAAN

26. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membina Kompleks Sukan yang meliputi setiap jenis sukan; jika ia, nyatakan di mana dan luas kompleks itu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Mokhtar bin Haji Hashim): Kerajaan sudahpun mempunyai rancangan membina sebuah Instituti Sukan Negara. Kerja-kerja perancangan sedang berjalan. Instituti ini akan mempunyai kemudahan-kemudahan latihan untuk hampir semua jenis sukan dan kemudahan-kemudahan yang sesuai bagi peringkat antarabangsa. Kajian sedang dibuat untuk mendapatkan suatu kawasan seluas 200 hingga 300 ekar.

TANAMAN KELAPA SAWIT

27. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau akan mengurangkan tanaman kelapa

sawit di negara ini memandangkan potensi yang hebat bagi bahan getah di pasaran dunia dan kekurangan tenaga manusia di ladang-ladang kelapa sawit.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan masih mempunyai dasar pelbagaian tanaman yang dilaksanakan sejak tahun 60an lagi di negara ini. Sungguhpun getah mempunyai potensi yang baik di pasaran dunia pada masa hadapan, Kementerian saya adalah optimistik terhadap masa depan minyak kelapa sawit. Kementerian saya yakin bahawa minyak kelapa sawit akan mempunyai pasaran memandangkan pertumbuhan penduduk dunia dan kemungkinan meningkatnya purata penggunaan perkapita yang kini masih rendah bagi minyak sayuran dan lemak di negara-negara membangun yang ramai penduduk. Oleh itu, adalah dijangkakan bahawa penanaman kelapa sawit di negara ini akan bertambah sungguhpun pertumbuhan itu akan bergantung atas ada atau tidaknya (availability) tanah yang sesuai untuk tanaman itu.

Industri kelapa sawit tidak akan bergantung atas tenaga pekerja sahaja untuk menghasilkan pengeluaran. Dibalikannya, usaha-usaha penyelidikan sedang dibuat untuk mengkaji kemungkinan penggunaan jentera-jentera peladang di ladang-ladang kelapa sawit supaya masalah kekurangan tenaga pekerja dapat dikurangkan.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA— MUTU KECEKAPAN

28. Tuan V.V. Aboo minta Menteri Pertahanan menyatakan rancangan dan langkah yang akan diambil untuk meninggikan lagi kecekapan Angkatan Tentera Malaysia dan sama ada Kerajaan akan membina lebih banyak lagi pusat-pusat latihan tentera selain dari yang ada sekarang.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Sebagaimana yang pernah saya terangkan di Dewan Yang Mulia ini, dalam rancangan pembesaran dan penyusunan semula Angkatan Tentera Malaysia, beberapa langkah telah pun dan sedang diambil untuk

meninggikan lagi mutu dan kecekapan para anggota tentera di dalam berbagai bidang, termasuklah dalam bidang-bidang pengendalian senjata-senjata dan alat-alat moden dan sophisticated.

Untuk meninggikan pengetahuan anggota-anggota di semua peringkat mengenai teknik serta taktik, latihan-latihan di peringkat pasukan sehingga ke peringkat ketumbukan seperti latihan siri Gonzales, sentiasa diadakan dari masa ke semasa. Juga tidak ketinggalan adalah latihan-latihan bersama dengan angkatan tentera negara jiran.

Pusat-pusat latihan ini akan diperbesarkan lagi dan ditambah kemudahan-kemudahan untuk menampung keperluan-keperluan latihan yang kian meningkat sejajar dengan rancangan pembesaran dan perkembangan Angkatan Tentera yang sedang dijalankan sekarang.

AHLI SUKAN—BANTUAN

29. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memberikan peruntukan yang lebih serta layanan yang istimewa kepada ahli-ahli sukan sebagai usaha mengatasi kemerosotan mutu sukan di negara kita.

Dato Mokhtar bin Haji Hashim: Satu daripada usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan dan mempertingkatkan prestasi sukan ialah dengan mengadakan peruntukan kewangan yang dikeluarkan sebagai bantuan kepada persatuan-persatuan sukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka seperti latihan dan penyertaan antarabangsa. Kerajaan tidak memberi bantuan wang secara langsung kepada ahli-ahli sukan tetapi mereka diberi elaun-elaun yang tertentu apabila menghadiri latihan-latihan atau mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan yang diakui.

Walau bagaimanapun, Kerajaan memberi perhatian kepada ahli-ahli sukan yang berbakat terutama mereka yang mempunyai kelulusan-kelulusan yang sewajarnya, bagi mereka mendapatkan pekerjaan, dan begitu

juga memberi perhatian kepada soal-soal perkhidmatan mereka seperti kenaikan pangkat dan sebagainya.

Dalam masa kebelakangan ini banyak majikan telah memberi pekerjaan kepada ahli-ahli sukan yang berbakat

LEMBU PAWAH—PENTERNAKAN

30. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa lembu-lembu pawah yang diberi kepada petani-petani didapati banyak yang mati kerana tidak sesuai dengan iklim dan makanan di negara ini dan juga jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan akan menukar kepada lembu-lembu jenis lain pula.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Pada tahun 1976-1979 sebanyak 14,196 ekor ternakan telah dibahagikan secara pawah. Jumlah kematian adalah 7.9% ini bermakna purata kematian setahun ialah 2%. Pada pendapat Bahagian Haiwan kadar angka kematian ini adalah menasabah. Ternakan-ternakan ini adalah dibahagikan kepada ramai penternak-penternak di seluruh pelusuk negara, mereka ini mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang agak berlainan di antara satu sama lain dalam segi pemeliharaan dan jagaan ternakan.

TANAH SAWAH TERBIAR—PEMULIHAN

31. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) luas tanah-tanah sawah yang terbiar dan juga tanah sawah yang diusahakan di seluruh Malaysia; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan tanah yang terbiar itu.

Dato Abdul Manan bin Othman:

- (a) Adalah dianggarkan seluas 379,958 ekar tanah sawah terbiar dan 1,279,230 ekar tanah sawah yang diusahakan di seluruh Malaysia;
- (b) Kementerian saya sedang merancang program-program bagi memulihkan tanah-tanah sawah yang terbiar secara terperinci, dengan tanaman-tanaman

yang difikirkan sesuai dan ekonomi untuk ditanam dan juga cara mana tanah-tanah tersebut dipulihkan sama ada secara kelompok atau sebaliknya bagi tiap-tiap kawasan yang berkenaan.

PERUMAHAN—PENENTUAN BAGI MILIK BUMIPUTERA

32. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk menentukan projek perumahan di seluruh negara bahawa 30% daripadanya betul-betul dimiliki oleh bumiputera.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Soalan yang sama telah dijawab dalam Dewan ini pada 17-12-1980 yang lalu. Oleh itu tidak perlu saya mengulangi jawapan tersebut di sini.

USUL

MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA BEKAS YANG DI-PERTUA DAN BEKAS TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

3.45 ptg.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Amat Berbahagia, Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong, dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berbahagia, Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong telah dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara pada 23hb Februari, 1973 dan ia telah tamat perkhidmatannya pada 31hb Disember, 1980, setelah memegang jawatan itu selama 7 tahun 10 bulan Tun Omar mula dilantik sebagai Senator pada 25hb April, 1964.

Dalam tempoh perkhidmatannya sebagai Yang di-Pertua Dewan ini, Tun Omar telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh adil dan saksama. Dengan pimpinannya yang bijaksana, budibahasanya yang halus dan dengan sikapnya yang penuh sabar, ia dapat mengendalikan urusan persidangan Dewan Negara dengan licin dan memuaskan.

Tun Omar adalah seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam politik, perkhidmatan awam dan sosial. Dalam tahun 1952 ia telah dipilih sebagai Ahli Majlis Perbandaran Kuala Lumpur. Pada tahun 1955 ia telah dilantik sebagai Menteri Pos dan Telekom dalam Majlis Kerja Persekutuan (Federal Executive Council). Selepas itu ia pernah dilantik pula sebagai Menteri Pengangkutan, Menteri Buruh dan Kebajikan Am dan Menteri Kesihatan. Tun Omar adalah salah seorang daripada ahli Perwakilan Perikatan ke London dalam tahun 1957 untuk perundingan muktamad mengenai Perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Dalam tahun 1959 ia telah dipilih sebagai wakil rakyat bagi Ulu Selangor dalam Pilihanraya Parlimen.

Dalam tahun 1962 Tun Omar mula berkhidmat dalam lapangan baru, iaitu sebagai Duta ke Amerika Syarikat dan Wakil Tetap ke Bangsa-bangsa Bersatu, di samping memegang jawatan Menteri Tak Berpotfolio dalam Jumaah Menteri Kerajaan Persekutuan. Ia memegang jawatan itu selama 10 tahun. Tun Omar telah juga berkecimpung dengan giatnya dalam kegiatan-kegiatan sosial. Ia pernah dilantik sebagai Pengerusi Persatuan Palang Merah Tanah Melayu, Pengerusi Pasukan St. John Ambulance Tanah Melayu dan Pengerusi Jawatankuasa yang memulakan Tabung Darah Kuala Lumpur dalam tahun 1949. Sekarang ia masih mengambil bahagian yang aktif dalam beberapa badan-badan sukarela, amal dan kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah sebutkan tadi adalah sebahagian kecil sahaja daripada sumbangan yang telah diberi oleh Tun Omar. Di atas jasanya yang banyak kepada rakyat dan negara ini Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menganugerahkan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara, Panglima Mangku Negara (PMN) dalam tahun 1959 dan Darjah Yang Mulia Seri Mahkota Malaysia, Seri Setia Mahkota (SSM) dalam tahun 1979.

Pada hemat saya dengan pimpinannya yang bijak, budi bahasanya yang halus dan sikapnya yang penuh sabar, Tun Omar telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Dewan Negara khasnya dan Parlimen amnya.

Sebagai tanda penghargaan, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Tun Omar serta juga ucapan 'Selamat Bersara' dan berdoa mudah-mudahan ia sentiasa berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, di samping bekas Yang di-Pertua Dewan ini, Timbalannya Yang Berbahagia Tan Sri S.O.K. Ubaidulla juga telah tamat perkhidmatannya. Tan Sri Ubaidulla telah dilantik sebagai seorang Senator semenjak tahun 1959 lagi, iaitu selama 21 tahun.

Pada 22hb Mac, 1971 dia telah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Tan Sri Ubaidulla memang mempunyai pengalaman yang lama sebagai seorang Senator. Ini membolehkannya menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan baik sebagai Timbalan Yang di-Pertua untuk membantu Yang di-Pertua. Tan Sri Ubaidulla juga mempunyai budi bahasa yang halus dan sikap yang sabar dan ini membolehkannya menguruskan persidangan Dewan Negara dengan licin dan memuaskan.

Tan Sri Ubaidulla ialah seorang yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat India di negara ini dan di bidang politik, sosial dan perniagaan. Saya tidaklah dapat menyebutkan satu persatu mengenai kegiatannya. Dia pernah mengambil bahagian dalam Majlis Perundangan Persekutuan dari tahun 1948 hingga ke tahun 1959, Majlis Perundangan Negara, Majlis Perpaduan Negara, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwat

Agama Islam, Majlis Kolej Islam dan badan-badan sukarela seperti Majlis Pusat St. John Ambulance dan Majlis Pusat Red Cross Society. Tan Sri Ubaidulla pernah juga dilantik sebagai President National Chambers of Commerce of Malaysia dan president Malayan Council of Employers Organisation.

Atas jasanya kepada negara, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menganugerahkannya Darjah Yang Mulia Seri Mahkota Malaysia, Panglima Setia Mahkota (PSM) dalam tahun 1973. Memandangkan kepada sumbangan perkhidmatannya kepada Dewan Negara khasnya dan Parlimen amnya seperti yang saya sebutkan tadi, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Dewan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tan Sri Ubaidulla dan berdoa mudah-mudahan dia sentiasa berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

3.55 ptg.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu usul merakamkan ucapan terima kasih kepada bekas Yang di Pertua Dewan Negara, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong dan bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla.

Yang Amat Berbahagia Tun adalah seorang rakyat Malaysia yang telah banyak berjasa memperjuangkan kemerdekaan negara kita bersama-sama tokoh-tokoh yang lain. Seorang bekas ahli politik dan ahli Parlimen yang cukup berpengalaman sejak tahun 1955 di kedua-dua Dewan yang mulia ini. Beliau juga merupakan seorang bekas Ahli Jemaah Menteri yang telah banyak menyumbangkan tenaga baktinya terhadap pembangunan negara dan kemajuan rakyat. Sebagai Wakil Tetap negara kita di Bangsa-bangsa Bersatu. Yang Amat Berbahagia Tun adalah sentiasa berusaha mengharumkan nama negara kita di kalangan negara-negara lain dengan mengadakan satu imej yang baik serta membuat perwakilan yang berkesan sekali di badan dunia ini.

Sebagai bekas Yang di-Pertua Dewan Negara, beliau telah memperlihatkan ketokohnya dengan mengendalikan urusan-urusan sidang Dewan Negara dengan cekap dan berdedikasi sekali. Usaha-usahanya tetap akan menjadi kenangan dalam sejarah Dewan Negara ini. Saya percaya sifat-sifatnya sebagai seorang peramah, lemah-lembut, baik budi pekerti dan menunjukkan contoh tauladan kepada orang lain akan tetap bersemadi di hati sanubari kita buat selamanya.

Seorang lagi yang kita akan mengucapkan 'Selamat Jalan' ialah Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla, bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Beliau adalah seorang kawan rapat politik di MIC yang telah menjadi salah seorang pengasas parti MIC pada tahun 1946. Beliau merupakan seorang tokoh yang ulung sekali sejak Majlis Dewan Undangan Persekutuan ditubuhkan dalam tahun 1948 dan dalam Senate ini sejak tahun 1959.

Dengan izin, Tan Sri Ubaidulla is a lifetime politician having served the record period of 32 years and possibly may enter the Guinness Book of Record. Beliau terkenal bukan sahaja di kalangan politik bahkan juga di kalangan perniagaan seperti Indian Chambers of Commerce and Industry dan di kalangan persatuan pekerja seperti Malaysian Employers Federation di mana beliau menjawat jawatan Presiden. Di kalangan politik MIC, beliau telah menjawat Naib President untuk beberapa tahun dan telah mengetuai beberapa jawatankuasa dalam parti MIC. Usaha-usaha beliau di segenap lapisan terutama sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara akan sentiasa dikenangkan.

Dengan perasaan terharu, saya menyokong usul ini dan mengucapkan 'Selamat Jalan' kepada Yang Amat Berbahagian Tun dan Yang Berbahagia Tan Sri dan saya berdoa agar Tuhan melanjutkan usia mereka untuk terus berkhidmat kepada negara dan rakyat yang sentiasa akan disanjung tinggi usaha mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla.

terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Michael Wong Kuan Lee.

4.00 ptg.

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong dan Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla yang bersara sebagai Yang di-Pertua Dewan dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan dan kerana perkhidmatannya kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Omar telah mengorbankan kegemilangan hidupnya untuk berkhidmat kepada negara. Beliau adalah seorang bapa pengasas negara ini dan seorang pelopor ke arah memupuk keharmonian antara kaum melalui penubuhan Parti Perikatan. Peranan beliau dalam penubuhan Perikatan, UMNO dan MCA tetap akan dikenang. Tuan Omar juga menyertai perwakilan yang telah berjaya mencapai kemerdekaan bagi negara ini. Jasa bakti beliau dalam peringkat permulaan negara ini telah menolong memelihara kestabilan yang amat penting dalam pembangunan negara. Beliau juga telah memainkan peranan penting dalam perhubungan antarabangsa. Beliau pernah mewakili negara di Bangsa-bangsa Bersatu dan sebagai Duta serta Pesuruhjaya Tinggi di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Brazil. Diplomas beliau telah memenangi banyak sahabat luar negeri untuk Malaysia dalam peringkat permulaan Malaysia yang penuh dengan cabaran. Tambahan pula sumbangan beliau

telah memberikan suatu perspektif yang betul lantas mempertingkatkan imej Malaysia di dalam keluarga negara-negara international.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Ubaidulla juga telah berkhidmat kepada negara dengan cemerlangnya. Para Senator akan kehilangan tunjuk ajar dan persefahaman dari Tun Omar dan Tan Sri Ubaidulla. Sesungguhnya beliau berdua telah sering memberikan keyakinan terutama kepada Senator-senator yang baru dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak MCA, kami berdoa agar Tun Omar dan Tan Sri Ubaidulla bersara dengan bahagia dan berjaya di dalam segala percubaannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris.

4.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya turut menyokong Usul yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi. Saya mengambil kesempatan bercakap sepatah dua kata atas perkhidmatan cemerlang Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong, bekas Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini dan seterusnya bekas Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla bagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja dua tahun menjadi Ahli Dewan ini maka sudah tentu sukar untuk saya untuk berkata apa-apa. Dengan pengalaman dan masa yang begitu singkat maka saya dapat juga berpeluang beramah mesra dengan bekas Yang di-Pertua dan juga berpeluang beramah mesra dengan Timbalan Yang di-Pertua di luar Dewan ini dalam bangunan ini. Walaupun dalam masa yang begitu pendek, kedua-duanya adalah sentiasa begitu ikhlas. Ini sudah pasti menjadi kenangan manis yang berkekalan bagi saya. Saya juga berkesempatan bercampur selama dua minggu dengan Tun Omar dan Toh Puan waktu kami melawat ke luar negeri baru-baru ini di mana Tun Omar sebagai ketua rombongan yang menjadi perhatian saya Tun Omar dan Toh Puan selalu bersedia lebih awal

dari kami untuk ke mana sahaja pergi. Dalam masa perjalanan beliau berdua suka bergurau senda dengan kami untuk menghilangkan perasaan kerungsingan meninggalkan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu Tun Omar juga sebagai salah seorang pejuang kemerdekaan negara kita ini. Tun Omar juga terlibat dalam banyak kegiatan bagi menarik Sabah dan Sarawak memasuki merdeka dalam Malaysia. Bagi kami dari Sarawak mahupun dari Sabah berterima kasih atas jasa Tun Omar dan pemimpin-pemimpin yang lain kerana tugas cemerlang mereka kepada negeri kami. Ini adalah menjadi satu sejarah tidak luput dari kenangan sehingga kepada jenerasi yang akan datang.

Berbalik saya kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla, seorang yang lemah lembut, dengan penuh perasaan ikhlas dan dedikasi. Sungguhpun permulaan saya menjejak kaki dalam Bangunan Parlimen ini pada tahun 1971 saya telah mendengar dan melihat Tan Sri Ubaidulla telah menjadi Timbalan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini. Dalam masa 10 tahun beliau berkhidmat itu sudah tentu mencatatkan satu rekod dalam Dewan yang mulia ini.

Sebagai sebuah Dewan yang tertinggi yang menjamin sistem demokrasi berpalingan dan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin juga keistimewaan Ahli-ahli Parlimen membahaskan sesuatu dengan teliti bagi kebaikan dan keadilan serta kepentingan rakyat berbagai kaum dalam Malaysia ini. Walaupun menjadi perkara biasa sahaja Ahli-ahli Parlimen bertukar ganti dalam Dewan ini tetapi hasratnya tidak ada perubahan kepada siapa sahaja menjadi Yang di-Pertua dan Timbalannya.

Sebelum saya duduk, izinkan saya berdoa kepada Allah s.w.t. semoga Yang Amat Berbahagia Tun Omar dan keluarganya selalu dalam keadaan sihat walafiat dan dilepaskan daripada segala bala yang tidak diingini. Begitu juga kepada Yang Berbahagia Tan Sri S.O.K. Ubaidulla dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua: Dato Haji Mohamed bin Nasir.

4.09 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya menyokong satu Usul ucapan terima kasih Dewan ini kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong, Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang Berbahagia Tan Sri S.O.K. Ubaidulla, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah bersara dari Dewan ini setelah berkhidmatan dengan cemerlang beberapa tahun sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah berkhidmat dengan penuh dedikasi beberapa tahun mengetuai Dewan ini banyaklah sudah perkara-perkara besar baik mengenai Kerajaan atau rakyat diselesaikan dengan mudah di Dewan ini bersumber dari kebijaksanaan dan kesederhanaan yang ada pada Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong dan Yang Berbahagia Tan Sri S.O.K. Ubaidulla di dalam mengendalikannya Majlis Mesyuarat Dewan yang mulia ini apatah lagi menghadapi Ahli-ahli Dewan Negara yang terdiri dari berbagai corak pakar dan kebolehan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berbahagia Tun Omar adalah seorang negarawan terkenal dan hampir seluruh hidupnya berkhidmat untuk negara dan rakyat Malaysia. Yang Amat Berbahagia Tun telah menjadi Menteri dalam beberapa potfolio semasa di bawah pimpinan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Beliau juga pernah menjadi Duta dan akhirnya diberi penghargaan dan kepercayaan menjadi Yang di-Pertua, Dewan Negara. Jasa-jasa beliau akan tercatat di dalam sejarah kemerdekaan dan perkembangan Malaysia sebagai anak watan yang pernah berkhidmat dengan cemerlang terhadap agama, bangsa dan negara.

Begitu juga ketokohan dan jasa bakti Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara telah berkhidmat kepada negara dan bangsa dengan penuh jujur dan ikhlas, maka Dewan ini adalah layak memberi penghormatan kepada Tan Sri. Sepanjang yang saya kenal beliau

adalah seorang yang berbudi pekerti tinggi, selain daripada dedikasi di dalam perkhidmatannya kepada negara, beliau juga seorang dermawan dan ahli masyarakat yang terkenal.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kedua-dua tokoh yang terkemuka di dalam perkhidmatan cemerlang yang diberikan kepada negara dan hampir ke semua rakyat Malaysia maklum dan mengenalinya, maka bagi pihak diri saya sendiri dan Parti Berjasa sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada kedua-duanya dengan memanjatkan doa ke hadrat Allah subhanahu wa taala semoga khidmat dan bakti kedua-duanya terhadap negara dan rakyat Malaysia diredai oleh Allah dan dibalas dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Saya mengucapkan selamat bersara dan diiringi doa semoga Allah sentiasa melindungi mereka berdua dengan kesihatan dan keselamatan. Begitu juga keluarga masing-masing mudah-mudahan mereka berdua terus berada di dalam walafiat. Saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yap Peng.

4.14 ptg.

Tuan Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Ong Yoke Lin dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Ong Yoke Lin adalah seorang tokoh politik, seorang tokoh diplomat dan seorang negarawan yang telah mengharumkan bukan sahaja nama Dewan Negara yang mulia ini tetapi juga telah mengharumkan nama baik Malaysia sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Beliau mulai berkecimpung di dalam politik tanahair lebih kurang pada tahun 1950.

Pada tahun 1952 beliau telah dipilih sebagai Ketua Parti Majoriti dalam Majlis Perbandaran Kuala Lumpur iaitu satu

pencahayaan yang patut dihargai dan disanjung tinggi pada zaman penjajahan British dahulu. Beliau kemudian bertanding dalam Pilihanraya bagi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur dan pada tahun 1954 beliau telah menang tanpa bertanding dan dalam tahun itu juga beliau telah dipilih sebagai ahli Tidak Rasmi Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu dan dalam tahun itu juga beliau telah dipilih sebagai Ahli Tidak Rasmi Majlis Perundangan Negeri Selangor.

Dalam tahun 1955 beliau telah dipilih sebagai Ahli Perikatan bagi kawasan Kuala Lumpur Barat dalam Majlis Perundangan Persekutuan, selepas itu beliau dilantik menjadi Menteri Pos dan Telekom. Pada tahun 1956 beliau telah dilantik menjadi Menteri Pengangkutan. Pada tahun 1957 beliau telah dilantik menjadi ahli perwakilan pergi ke London untuk perundingan muktamad mengenai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Kemudian pada tahun itu juga beliau telah dilantik menjadi Menteri Buruh dan Kebajikan Am. Pada tahun 1959 pula beliau telah dipilih sebagai Ahli Perikatan bagi Ulu Selangor dalam Pilihanraya Parlimen. Kemudian beliau telah dilantik menjadi Menteri Kesihatan dan Kebajikan Am dan kemudian selaku Menteri Perdagangan dan Perusahaan. Dalam pada itu beliau telah memangku dari semasa ke semasa jawatan Menteri Pertahanan dan Menteri Pertanian.

Pada tahun 1961 beliau menjadi Ketua Perwakilan Persekutuan Tanah Melayu mengenai Jawatankuasa Perundingan Perpaduan yang terdiri daripada perwakilan-perwakilan dari Singapura, Sabah, Sarawak dan pemerhati-pemerhati dari Brunei yang telah mencapai persetujuan secara luas mengenai pembentukan Malaysia atas nama Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Kerajaan-kerajaan (Inter-Governmental Committee). Pada tahun 1962 beliau telah dilantik sebagai Duta Malaysia ke Amerika Syarikat dan juga selaku Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu, manakala ketika itu beliau adalah juga memegang jawatan Menteri Tak Berpotfolio dalam Jemaah Menteri Kerajaan Malaysia.

Beliau adalah salah seorang penandatanganan perjanjian yang telah ditandatangani di London pada tahun 1963 berhubung dengan pembentukan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong mulai menjadi Ahli Dewan Negara ini selepas perlantikan beliau pada tahun 1964 sebagai Senator. Selepas itu pada tahun 1966 beliau telah ditawarkan sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada dan sebagai Duta Malaysia ke Brazil.

Sekembalinya beliau ke tanahair pada tahun 1972 selepas 10½ tahun berkhidmat sebagai Duta di seberang laut, beliau telah meneruskan khidmatnya sebagai Menteri Tak Berpotfolio dan pada tahun 1973 beliau telah dipilih pula sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perkhidmatan Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara beliau telah mempertahankan kehormatan serta kemuliaan Dewan ini.

Semenjak saya menjadi Ahli Dewan Negara ini, saya dapati Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong selaku Yang di-Pertua atau Pengerusi Majlis Dewan ini telah bersikap jujur dan bertimbang rasa dan beliau telah memberi peluang kepada semua ahli-ahli untuk bercakap mengeluarkan buah fikiran masing-masing. Di samping itu beliau juga telah menjalankan tugas-tugasnya dengan adil dan bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membacakan surat berikut yang pendapat saya lebih tepat sebagai kesimpulan mengenai Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong. Surat ini ialah daripada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang bertarikh 19hb Mei, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

“To Omar Yoke Lin Ong my comrades-in-arms who pioneered the Sino-Malay Alliance which led to independence and now my Muslim brother; if more would

emulate his examples, this land of ours will be honestly happy for all times, insya Allah.

Tandatangan,

Tuan Abdul Rahman Putra Al-Hajj

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla pula tidak kurang sifat-sifatnya sebagai seorang ahli politik dan seorang Parlimentarian yang sungguh lama berkhidmat pada rakyat dan negara. Semasa menjalankan tugas-tugasnya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara beliau telah menunjukkan sifat-sifat keadilan dan dedikasi yang sangat memuaskan.

Akhir kata, saya memberikan penghargaan yang setinggi-tingginya atas perkhidmatan Yang Amat Berbahagia Tun Datuk Haji Omar Yoke Lin Ong sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

4.23 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada bekas Yang di-Pertua Dewan dan juga Timbalannya atas perkhidmatan cemerlang beliau berdua di masa yang lalu.

Bagi saya tidak dapat saya hendak sebut beberapa tahun saya berkhidmat, tetapi bolehlah saya katakan bahawa saya hanya baru sebulan dalam Dewan ini. Hakikatnya saya kenal Tun Omar Yoke Lin sejak saya menjadi sebagai seorang budak UMNO kira-kira dalam tahun 1955 dan hinggalah pada tahun 1957 di mana di satu masa telah dihantar oleh Yang Teramat Mulia Tunku Bapa Kemerdekaan Malaysia. Yang Teramat Mulia Tuan Abdul Rahman Putra Al-Hajj, menghantar beliau menjelajah ke seluruh negeri termasuklah negeri saya Kedah dan sayalah yang menjadi orang yang membawa beliau ke merata tempat di mana beliau telah

menunjukkan kebolehan, menunjukkan kecekapan, menunjukkan timbang rasa dan menunjukkan hati baik budinya terhadap rakyat jelata tidak kira bangsa di waktu itu. Dari sinilah saya dapat kenal siapakah Tun Omar dan dengan sikap lemah-lembut beliau itu dapat menawan sehingga Pilihanraya yang diadakan dalam tahun 1959, dapat membuktikan rakyat terutamanya daripada bumiputera bangsa Melayu yang masih tertanya-tanya adakah Tun ini sebagai seorang muslim yang konon diberitakan bahawa beliau telah memelok agama Islam masih tidak dapat dijawab, tetapi kenyataan-kenyataan itu diakhirnya membuktikan bahawa beliau telah memelok agama Islam, agama yang maha suci ini.

Dalam satu dua hari atau sedikit masa ketika saya menghadiri Dewan yang mulia ini, saya juga telah dijemput oleh beliau ke rumahnya menikmati sedikit jamuan sebagai satu usaha menarik perasaan dan berhubung rapat dengan beliau maka di sana juga saya melihat keluarga beliau yang begitu lemah-lembut menerima tetamu dengan perasaan yang jujur dan ikhlas. Maka bagi saya tidak lain sekadar saya berdoa sebagai seorang Islam kepada beliau yang meninggalkan Dewan yang mulia ini semoga Allah restukan kehidupan mereka, pada dirinya, anak isterinya dan keluarganya di dalam aman bahagia di dalam pemeliharaan Allah.

Kepada Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla yang saya kurang kenal, namun begitu pernah didengar suara-suara beliau dalam MIC memandu dan memimpin MIC, kepada beliau juga saya berdoa semoga Allah akan pelihara mereka.

4.28 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini saya bangun untuk menyokong bagi pihak Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan saya sendiri, usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong dan juga

bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla.

Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong telah menjadi Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini sebelum saya dilantik menjadi seorang Ahli Dewan Negara. Beliau telah menunjukkan kepada saya sikap yang suka menolong dan ramah-tamah di dalam segala hal berkaitan dengan fungsi-fungsi Dewan yang mulia ini. Di bawah pimpinan beliau Dewan Negara ini telah dapat menjalankan tugas-tugasnya seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia dengan berkesan dan dapat memberi sumbangan kepada rakyat dan negara.

Walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini akan kehilangan pimpinan beliau iaitu seorang yang penuh pengalaman dan tokoh politik, kita adalah mempunyai keyakinan bahawa Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong akan dapat berkhidmat untuk negara ini di dalam bidang-bidang yang lain. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada beliau atas segala tugas yang telah dijalankan sebagai seorang Yang di-Pertua Dewan Negara ini dengan sempurna. Saya berdoa kepada Tuhan yang maha Esa semoga Yang Amat Berhormat Tun Dato' Omar Yoke Lin Ong dan keluarganya dicucuri rahmat sihat sejahtera dan lanjut usia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla di atas pimpinan beliau sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Beliau adalah seorang yang lemah lembut dan bersopan santun serta sentiasa bersedia memberi bantuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Negara ini. Kita akan juga kehilangan perkhidmatan beliau tetapi kita berharap beliau dapat memberi sumbangan kepada negara di lain-lain bidang demi kepentingan rakyat dan negara. Saya juga berdoa kepada Tuhan agar Yang Amat Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla dan keluarganya dicucuri rahmat sihat sejahtera dan lanjut usia.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah menandakan satu babak baru di dalam sejarah Dewan Negara ini iaitu pemilihan seorang Yang di-Pertua yang baru bagi memimpin Dewan yang mulia ini. Dengan hati yang sungguh riang dan gembira saya bagi pihak Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) mengalu-alukan Yang Amat Berbahagia Tan Sri Ismail Khan sebagai Yang di-Pertua yang baru Dewan Negara ini.

Beliau adalah seorang kenalan saya dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak oleh kerana Yang Amat Berbahagia Tan Sri Ismail Khan pernah memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Borneo. Kita adalah sungguh berbangga di atas pemilihan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya mempercayai bahawa dengan pengalamannya yang luas di dalam bidang kehakiman, beliau adalah layak untuk memimpin Dewan Negara ini. Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa dengan pimpinan Yang Amat Berbahagia Tan Sri Ismail Khan, Dewan Negara ini akan terus menjalankan tugas-tugasnya dengan bersungguh-sungguh, cekap dan berkesan demi kemajuan rakyat dan negara. Saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini akan memberikan segala kerjasama kepada beliau.

Akhir sekali saya berdoa kepada Tuhan yang Maha Esa semoga Yang Amat Berbahagia Tan Sri Ismail Khan dicucuri rahmat sihat sejahtera, lanjut usia dan diucapkan selamat maju jaya dalam menjalankan tugas. Sekian, terima kasih.

4.35 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:

Tuan Yang di-Pertua, saya dari pihak PAS turut bangun merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla dengan membuat ucapan terima kasih dengan tidak payah membuat ucapan yang panjang lebar oleh kerana kita Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini khususnya dan masyarakat umum semua tahu jasa-jasa bakti yang telah dibuat oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar

Yoke Lin Ong dan juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla di mana masyarakat umum dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini sama-sama telah memahami jasa-jasa bakti yang telah dibuat itu sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, begitu tinggi jasa-jasa kedua-dua bekas tokoh kita itu.

Tidaklah payah saya hendak mengulangi lagi dengan membuang waktu daripada satu persatu jasa yang telah dicurahkan oleh Yang Amat Berbahagia Yang di-Pertua Dewan Negara kita itu. Hanya apa yang saya hendak perkatakan dengan ringkas di dalam Dewan yang mulia ini dari segi ramah mesra pergaulan yang tidak ada perbezaan itulah patut sekali dijadikan contoh teladan kepada segenap kita pemimpin-pemimpin yang ada di dalam menghadapi perjuangan di saat-saat ini.

Kita telah melihat bagaimana rasa mesranya dalam pergaulan dan tutur bahasa Yang Amat Berbahagia Yang di-Pertua Dewan kita itu dan juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Bagi saya sejak saya memasuki Dewan yang mulia ini, saya amat terasa sekali bagaimana kedua-dua tokoh ini tidak langsung merasai perbezaan, tidak pernah langsung mengecilkan hati sekalimah pun apabila kita di dalam pergaulan dengan mereka itu; sama sahaja Yang Amat Berbahagia Yang di-Pertua Dewan begitu juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara ini. Maka sebab itu pada masa Titah Ucapan waktu kita merakamkan Ucapan Terima kasih Kebawah Duli dahulu, saya lebih awal lagi sudah menyampaikan kata terima kasih yang panjang lebar.

Jadi sebagai akhir daripada ucapan untuk merakamkan dan membuat usul di dalam rakaman ucapan terima kasih Yang Amat Berbahagia Perdana Menteri kita tadi, maka sukalah dengan izin saya berdoa kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Ling Ong sebagai Yang di-Pertua Dewan kita dan juga Timbalan Yang di-Pertua untuk memberikan doa restu sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dapat menambah lagi tenaga jasa bakti mereka kepada masyarakat yang masih lapar

dan dahaga lagi dengan jasa-jasa bakti yang cemerlang itu sebab kita sebagai pemimpin di dalam negara ini soal perjuangan ini tidak akan terhenti-henti selagi hayat dikandung badan. Dengan itulah manusia dan masyarakat akan mengenangkan jasa, sebagai kata pepatah: Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan jasa.

Akhir sekali sukalah saya menyatakan sebagai kata falsafah:

Tidak ada guna ilmu kalau tidak beramal; tidak guna amal kalau tidak ada kesabaran. Jadi apa yang kita dapat daripada kedua-dua tokoh kita ini ialah kesabaran mereka di dalam menjalankan tugas terhadap Ahli-ahli Dewan ini, tahulah diwaktu persidangan bermacam ragam Ahli-ahli Yang Berhormat yang begini ramai tetapi tidak pernah kita melihat wajah yang berlainan dengan sentiasa senyum itu. Jadi kesabaran inilah yang saya dapat mengatakan dengan izin, Tuhan telah berfirman: *Innalaha-ma'as-Sobirin*:—Tuhan akan berserta dengan orang yang sabar disetiap masa dan waktu. Insya Allah kedua-dua tokoh ini akan menjadi teladan kepada pemimpin-pemimpin kita yang berikutnya. Sekian, terima kasih.

4.40 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain untuk menyokong atas cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu ucapan terima kasih dan penghargaan kepada bekas Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara sebentar tadi.

Saya sendiri merasakan patut juga saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ini kerana terutama sekali saya telah mengenali dengan Yang Berbahagia Tun Omar Yoke Lin Ong ialah semenjak tahun 1951 di mana ketika itu kami bersama-sama dalam perjuangan Parti Perikatan di mana Tun telah banyak masa ditumpukan ke Negeri Kelantan khususnya dan lebih-lebih lagi selepas daripada Pilihanraya tahun 1959 di mana Kelantan di bawah pemerintah PAS tetapi Tun pada masa itu berkhidmat sebagai Menteri, banyak perkara-perkara

pertolongan yang diberi secara langsung dari Kementeriannya kepada rakyat Kelantan walaupun pada ketika itu Kerajaan Kelantan enggan menerima sebarang bantuan daripada Kerajaan Pusat. Atas pengenalan sedemikian, saya rasa saya amat terhutang budi kepada Tun dengan persaraannya pada akhir tahun baru-baru ini daripada Dewan Negara tetapi walau bagaimanapun saya penuh yakin bahawa sungguhpun Tun bersara sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, namun demikian saya percaya jiwanya tetap sebagai seorang politik, sebagai seorang yang bertanggungjawab kepada negara Malaysia ini dan diharap supaya kesihatannya sentiasa segar dan fikirannya kepada politik akan terus Tun memberikan perkhidmatan beliau. Dengan alasan-alasan itu, saya tidak suka hendak menyebut banyak lagi alasan-alasan lain dengan keadaan-keadaan yang ada pada diri Tun, sifat-sifat semula jadi yang ada pada diri beliau setiap orang yang mengenali Tun Omar Yoke Lin Ong tentulah memahami keadaannya dan merasa kasih sayang kepada beliau. Saya seorang seperti yang saya katakan tadi orang yang mengenali beliau semenjak tahun 1951 lagi dan sehinggalah kepada saya dilantik menjadi Ahli Dewan Negara ini, kesempatan bersama-sama bergaul dengan beliau sehinggalah kepada akhir-akhir Dewan ditangguhkan pada 23hb baru-baru ini.

Saya suka mengambil peluang ini bagi pihak UMNO, Barisan Nasional dan rakyat Negeri Kelantan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tun atas jasa dan perkhidmatan beliau sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi dengan harapan dan doa semoga Yang Berbahagia Tun dipanjangkan umur, diberikan keadaan yang sihat disamping beliau menjalankan urusan beliau sendiri, dari segi politik juga kita berharap beliau akan terus memainkan peranan kalau tidak secara aktif tetapi secara memberikan panduan-panduan atau nasihat-nasihat kepada kita semua.

Kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla, saya juga mengenali beliau dan kerap juga beliau telah berkecimpung bersama-sama di dalam politik pada masa-masa yang sudah

khususnya di negeri Kelantan dan saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tan Sri di mana juga kita berharap persaraannya daripada jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara tetapi bukan persaraannya dari segi politik dan juga perkhidmatan kepada masyarakat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya dengan ringkas ini dengan serangkap pantun kepada Tun dan juga kepada Tan Sri bekas Timbalan yang di-Pertua iaitu:

Pulau Pandan jauh ketengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancur badan dikandung tanah
Budi kedua-dua yang baik tetap
dikenang juga.

4.48 ptg.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Tuan Yang di-Pertua, saya turut merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla seperti yang disusulkan oleh Perdana Menteri kita baru sebentar tadi.

Kerajaan Negeri Sabah turut menyokong usul Perdana Menteri untuk menyampaikan ucapan terima kasih dan selamat bersara kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dan bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla.

Seperti yang disenaraikan oleh Perdana Menteri kita mengenai perkhidmatan beliau berdua yang begitu panjang lebar memang tidak dapat di nafikan yang Kerajaan Negeri Sabah dapat turut menikmati kemerdekaan melalui Malaysia, kerana pada peringkat awal kemerdekaan Malaysia, beliau berdua turut terlibat dengan gigit menyertai negara-negara yang mengambil bahagian untuk menyatukan Semenanjung, Sabah dan Sarawak menjadi sebuah negara Malaysia yang kita percayai pada masa ini telah membawa banyak

perubahan yang besar baik negeri Sabah ataupun Sarawak, baik dari segi sosial, ekonomi, pelajaran dan juga politik.

Kerajaan Negeri Sabah juga ingin merakamkan tahniah dan terima kasih kepada kedua-dua beliau yang bersara atas jasa khidmat yang begitu cemerlang. Kami berharap Yang Amat Berbahagia Tun Omar dan juga Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla semoga Tuhan akan melindungi mereka daripada segala yang tidak diinginkan dan dipanjangkan usia mereka serta keluarga.

Kerajaan Negeri Sabah juga sangat bersukacita dan mengalu-alukan perlantikan Tuan Yang di-Pertua baru, yang baru dilantik. Kami yakin Tuan Yang di-Pertua akan dapat memberi kepimpinan kepada Dewan ini untuk kepentingan negara dan juga negeri Sabah, bak kata pepatah, "patah tumbuh hilang berganti". Dengan ucapan saya yang pendek ini sekali lagi saya bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan kami berharap beliau akan dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang selepas persaraan mereka kepada Kerajaan Malaysia untuk kebaikan negara kita.

4.55 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebagai orang yang akhir sekali barangkali bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk memberi ucapan terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong bekas Yang di-Pertua Dewan Negara dan kepada Timbalannya Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla.

Saya tentulah tidak dapat bercakap atau hendak memuji begitu banyak dengan sebab pujian-pujian telah pun dilafazkan oleh saudara-saudara yang terdahulu daripada saya dengan sepenuh-penuhnya. Tetapi sebagai seorang Ahli Dewan saya berasa sangat terkenang kepada jasa-jasa kedua-dua orang ini walaupun seberapa ringkas saya terpaksa bangun dan berdiri kerana memberi penghargaan yang tinggi semasa kedua-duanya memimpin Dewan Negara dan saya menjadi

salah seorang daripada Ahli Dewan yang telah banyak mengambil bahagian dan sedikit sebanyak telah mendapat panduan dari kedua-duanya.

Saya terharu apakala mendengar daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi takala membaca sejarah hidup kedua-dua Yang Amat Berhormat dan Yang Berbahagia itu tentang budi bahasa dan kesabaran kedua-duanya. Maka perkara ini memanglah sampai kebila-bila masa pun akan merasa perkara ini tersemat di dalam hati saya, iaitu halus budi bahasa kedua-duanya yang pertama Yang di-Pertua Dewan Negara, Tun Dato' Omar Yoke Lin Ong; yang kedua Timbalannya Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla.

Boleh dikatakan dalam masa kedua-duanya mengendalikan Dewan Negara ini kedua-duanya dapat mengatasi walau macam-mana pun kerumitan yang berlaku di dalam Dewan ini. Dan jarang sekali bahkan saya belum pernah melihat tingkah laku kedua-duanya yang boleh menjatuhkan meruah ataupun yang boleh menyakiti hati ataupun sebagainya melainkan dengan berdasarkan kesabaran segala-galanya dapat diatasi.

Saya juga tertarik hati kepada Yang Berhormat Ketua Dewan yang baru dan saya mengalu-alukan di atas perlantikannya dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tan Sri Ismail Khan. Tadi tatkala memberi ucapan yang ringkas, Tan Sri Ketua kita yang baru ini berkata bahawa Ketua Dewan yang lama adalah seorang yang menjalankan tugasnya dengan adil dan bertimbang rasa dan katanya, "saya akan menjalankan tugas-tugas saya dengan penuh tanggungjawab. Jadi saya memberi tahniah, di atas akuan dan percakapan itu. Saya harap walau macam mana sekalipun, Tan Sri, Ahli-ahli Dewan yang ada di sini boleh dikatakan orang-orang yang bernasib baik dengan sebab di dalam negara kita inilah satu Dewan yang paling tinggi sekali yang meluluskan undang-undang di dalam negara ini selepas daripada Dewan Rakyat. Tetapi sebagaimana yang diketahui Ahli-ahlinya ada dilantik sama ada oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ataupun oleh

Dewan Undangan Negeri-negeri. Jadi dengan lantikan ini bukanlah dicari orang yang menduduki Dewan ini daripada golongan orang-orang ahli undang-undang yang terkenal ataupun orang yang bijaksana yang tidak ada tolok bandingnya tetapi mereka itu adalah dipilih menurut segi atau kaca mata Kerajaan masing-masing. Berapa ramai orang di dalam Dewan ini yang tidak mengerti undang-undang termasuk saya sendiri!

Jadi di dalam membahas rang undang-undang yang bertimbun di depan kita sekarang ini boleh jadi Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua baru, sebagai seorang Hakim akan menjalankan tanggungjawab sebagaimana yang ditegaskan tadi, maka saya berharaplah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab itu patutlah sedikit sebanyak sifat timbang rasa yang diamalkan oleh kedua-dua Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang dahulu patutlah juga diberi kepada kami sekalian di sini. Kalau tidak begitu, masakanlah kalau kami di sini hendak membahaskan rang undang-undang yang begitu berharga dari segi kaca mata mana, hanyalah di dalam Dewan ini barangkali ada mengandungi peguam-peguam yang boleh dibilang dengan jari sahaja, yang lain semua sekali bukan peguam-peguam.

Jadi di dalam membahas ini sudah tentulah ada bahasan-bahasan yang keluar daripada garisan, maka apa yang diharap mudah-mudahan pihak Tuan Yang di-Pertua yang baru boleh memaafkan kami dan boleh bertolak ansur dalam perkara ini serta membanyakkan sabar sebagaimana yang dibacakan oleh Puan Hajjah Salmah tadi, "Innala ha ma'as-sabirin". Maknanya Allah s.w.t. sentiasa bersama dengan orang yang sabar.

Jadi pada hari ini bagi pihak diri saya sendiri mengucapkan tahniah kepada kedatangan Tuan Yang di-Pertua yang baharu kerana mengambil tempat di atas keberhentian Tuan Yang di-Pertua dahulu, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong. Saya mengucapkan selamat jalan kepadanya dan mengucapkan beribu-ribu terima kasih dan penghargaan saya yang tinggi kepada dia sebagaimana yang dikatakan tadi adalah seorang politik, dia seorang pemimpin

parti, dia seorang Ahli Dewan Rakyat, kemudian dia menjadi seorang Ahli Jemaah Menteri di dalam Kabinet Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj iaitu Menteri Kesihatan dan Menteri Kebajikan Am. Dia seorang Duta, kemudian dia menjadi seorang Ahli Dewan Negara. Apakala dia hendak bersara dan hendak berhenti daripada jawatannya maka dia telah diangkat dan dinaikkan tarafnya menjadi Ketua Dewan Negara, Dewan yang paling tinggi sekali di dalam negara kita ini. Maka dengan nama Ketua Dewan Negara yang paling tinggi inilah dia berhenti, maka saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas keberhentiannya itu dan begitu juga kepada Timbalannya.

Kepada Ketua kita yang baharu, saya mengucapkan selamat datang dan selamat bekerja. Mudah-mudahan kita dapat bertolak ansur dan bersama-sama menjalankan tugas.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

5.02 ptg.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak hendak bercakap panjang dalam perkara ini. Cuma barangkali pada hari yang penyudah kepada Tuan Yang di-Pertua lama, sebagai seorang yang belum pernah mengalami satu pertukaran Presiden atau pertukaran Ketua Dewan Negara ini, saya tidaklah begitu faham walaupun saya sudah berada di sini selama 5 tahun, pada hari mula itu telah pun saya bertanya, adakah perkara ini akan diberi peluang kepada Ahli-ahli lain. Dan setelah saya mendapat tahu, saya rasa kalau tidak bercakap sedikit, tentulah berasa kurang puas hati. Oleh itu, saya inginlah bagi pihak diri saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong selaku Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah bersara. Saya sebagai seorang Ahli di dalam Majlis ini telah melewati 5 tahun, saya rasa tidaklah ada satu benda yang saya boleh mengatakan rasa tidak puas hati ataupun merasa satu kecealan tentang pentadbiran dan peranan beliau di dalam menjalankan tugasnya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Sesungguhnya sebagai seorang yang saya rasa adalah seorang yang luar biasa, pada pendapat saya yang boleh tunggu bersabar di dalam keadaan-keadaan yang sulit, di dalam keadaan-keadaan cemas. Pada satu ketika saya sendiri telah bertanya kepada Tun bagaimana dia telah dapat mengatasi masa yang begitu lama berkecimpung dalam pentadbiran dan politik. Dengan jawapan yang mudah beliau mengatakan bahawa hanya kesabaranlah yang boleh mengatasi segala-galanya. Dia kata cuba memberi accommodate atau memberi peluang kepada orang lain dan simpati dengan pendapat-pendapat orang lain dalam serba-serbi.

Sebagai seorang yang menganuti agama Islam Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong saya rasa patutlah dijadikan sebagai satu contoh yang boleh mencerminkan sebagai seorang yang berketurunan Cina yang memeluk agama Islam. Saya rasa ini adalah satu percantuman yang amat baik sekali di dalam sifat semula jadi ataupun tabie dengan dimasuk ke dalam fikirannya atau hatinya falsafah-falsafah Islam yang dia begitu sekali membawa dirinya yang mendapat tempat di hati setiap orang yang berkira atau berurus dengannya. Apa yang saya maksudkan di sini ialah dia pada asalnya bukan seorang Muslim dan falsafah Islam telah membentuk perangainya yang begitu berkesan sekali dan dapat mencerminkan sebagai seorang Muslim yang baik.

Kepada bekas Timbalan Yang di-Pertua juga saya rasa tidak kurang pentingnya kepada kita semua dan juga kita haruslah menghormati sebagaimana yang telah dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam tadi seorang yang paling lama sekali berkecimpung di dalam sejarah politik tanah air. Oleh kerana Timbalan Yang di-Pertua ini mengambil masa yang sedikit di dalam menduduki tempat atau mengganti tempat Tuan Yang di-Pertua, maka saya rasa, saya tidak dapat bercakap banyak tentang keadaan beliau. Walau bagaimanapun, saya tahu beliau adalah seorang yang lurus dan patut mendapat penghormatan yang tinggi daripada Dewan ini. Saya sesungguhnya dengan ikhlas berdoa agar kedua-dua mereka ini mendapat taufik dan hidayah serta

mendapat aman sentosa di dalam kehidupan mereka berdua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Haji Omar Yoke Lin Ong dan juga bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditempuhkan selama 20 minit.

Persidangan ditempuhkan pada pukul 5.10 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.35 petang.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI DAN PENTAKSIR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai perlantikan seorang Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan mengenai pendaftaran Penilai-penilai dan Pentaksir-Pentaksir dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah—

- (a) Untuk memberi kuasa legal kepada Bahagian Penilaian, Kementerian Kewangan membuat pemeriksaan harta tanah dan dokumen-dokumen

yang berkaitan serta memerlukan mereka yang mempunyai butir-butir yang berkaitan untuk menghantarkannya kepada Bahagian itu; dan

- (b) Untuk menubuhkan sebuah Lembaga Pendaftaran Penilai dan Pentaksir supaya profesion itu dapat didaftarkan dan aktiviti-aktiviti mereka dapat dikawal supaya kepentingan orang awam dapat dilindungi.

Bahagian Penilaian telah ditubuhkan pada 1hb September, 1957 sebagai satu Bahagian dalam Kementerian Kewangan. Objektifnya ialah untuk membantu dan menasihati Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan tentang penilaian harta tanah. Untuk menjalankan kerja-kerjanya, Bahagian itu mesti mengutip maklumat-maklumat tentang harta tanah termasuk jual-beli tanah, sewaan, pajakan dan lain-lain lagi. Akan tetapi sehingga ini Bahagian itu tidak mempunyai sebarang kuasa legal untuk berbuat demikian. Kuasa-kuasa yang sepatutnya dipunyai olehnya telah diberi secara delegasi oleh pihak berkuasa lain yang mempunyai kuasa itu di bawah undang-undang seperti Ordinan Duti Setem 1949, Enakmen Harta Pesaka 1941, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 dan lain-lain. Apabila diteliti didapati bahawa cara delegasi yang telah dibuat di bawah Undang-undang berkenaan tidak memuaskan oleh kerana delegasi itu telah dibuat oleh pihak berkuasa terus kepada Ketua Pengarah Penilaian dan kemudian daripada Ketua Pengarah itu kepada pegawai-pegawai lain di bawahnya. Sebenarnya delegasi itu mestilah dibuat terus oleh pihak berkuasa berkenaan kepada tiap-tiap pegawai yang benar-benar menjalankan tugas yang dikehendaki itu. Di samping itu, oleh kerana Bahagian Penilaian tidak mempunyai sebarang kuasa legal sendiri di bawah mana-mana undang-undang, pegawai itu telah mengalami beberapa masalah berkaitan dengan kutipan maklumat-maklumat yang penting untuk menjalankan kerja-kerja penilaian bagi beberapa maksud yang dikehendaki oleh Kerajaan Pusat. Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut di atas, kuasa legal akan diberi kepada Bahagian

Penilaian, Kementerian Kewangan oleh Bahagian II Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir, 1980.

Pada masa sekarang Penilai-penilai adalah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Juru Ukur 1967. Akan tetapi Akta tersebut juga melibatkan Juru Ukur Bahan dan oleh itu adalah di bawah jagaan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Penilai-penilai sebenarnya membuat kerjanya tentang harga pasaran tanah dan bangunan dan oleh itu mengalami kesulitan yang berbeza daripada apa yang dihadapi oleh Juruukur Bahan. Kerja-kerja penilaian juga tidak ada kaitan dengan portfolio Menteri tersebut. Di samping itu, seorang penilai juga mendaftarkan diri dengan Kerajaan Negeri sebagai seorang Pentaksir di bawah Ordinan-ordinan Pentaksir Berlesen. Mereka yang berbuat demikian tidak semestinya mempunyai kelayakan profesional dan kebanyakan mereka tidak tahu tentang cara-cara membuat penilaian dan juga aktiviti-aktiviti mereka itu tidak dikawal dengan rapi seperti aktiviti-aktiviti Penilai-penilai yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Juruukur 1967. Kedudukan seperti tersebut di atas tidaklah memuaskan dan tidak menjaga kepentingan orang awam.

Kedudukan seperti tersebut di atas tidaklah memuaskan dan tidak semestinya diteruskan. Oleh itu Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir ini dibentangkan untuk kelulusan supaya semua masalah-masalah tersebut di atas dapat di atasi dengan pengujudan satu Lembaga Penilai dan Pentaksir seperti terkandung di dalam Bahagian III Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang meminta izin untuk membincangkan Rang Undang-undang tersebut Fasal demi Fasal.

Fasal-fasal 3 hingga 8 membuat peruntukan mengenai perlantikan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan beberapa orang pegawai lain yang mana perlantikan itu adalah perlu bagi fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipan Ketua Pengarah dan kuasa-kuasanya untuk memasuki tanah, bangunan dan melihat dokumen termasuk haknya menghendaki dikemukakan

kepadanya maklumat berkaitan yang perlu untuk kerjanya.

Fasal-fasal 9 hingga 16 membuat peruntukan mengenai penubuhan suatu Lembaga Penilai dan Pentaksir berserta dengan fungsi-fungsinya dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya.

Fasal-fasal 17 hingga 22 menyentuh tentang pendaftaran penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir yang pada masa ini dikawali oleh Akta Pendaftaran Jurukur 1967 dengan mengandungi peruntukan untuk menerima masuk pentaksir-pentaksir *bone fide* untuk pendaftaran tertakluk kepada sekatan-sekatan mengenai kerja yang mereka mungkin jalankan di segi nilai modal dan nilai sewaan dan kawasan amalan. Akta Pendaftaran Juru Ukur 1967 mengawali aktiviti-aktiviti Juru Ukur-Juru Ukur Bahan dan Juru Ukur-Juru Ukur Amalan Am; dua profesion yang tidak mempunyai banyak persamaan. Rang Undang-undang ini bertujuan memisahkan kedua-dua profesion ini supaya aktiviti-aktiviti tiap-tiap satu profesion itu akan dikawali oleh undang-undang yang berasingan dan juga menyebabkan semua pentaksir yang pada masa ini dilesen di bawah berbagai undang-undang bertulis berada di bawah kawalan satu undang-undang bertulis.

Lain-lain peruntukan Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara tambahan dan pelbagai, termasuk tindakan tatatertib, acara untuk merayu, kesalahan-kesalahan, penalti-penalti dan pemindaan atau pemansuhan undang-undang bertulis yang terlibat.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai perlantikan seorang

Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan mengenai pendaftaran Penilai-penilai dan Pentaksir-pentaksir dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi dibahaskan.

5.48 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir 1980 dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

Setelah meneliti Rang Undang-undang yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini saya dapati beberapa aspek dalam Rang Undang-undang ini yang perlu saya sentuh semasa perbahasan ini, terutama sekali sebagaimana kita semua sedia maklum Rang Undang-undang ini adalah diusahakan bagi meninggikan taraf kerja-kerja Pentaksir dan Penilai. Pada hemat saya Rang Undang-undang ini dikemukakan pada masa yang tepat. Ini adalah kerana kalau kita mengkaji tentang praktik-praktik professionalisma di dalam negara kita seperti Jurutera, Arkitek, Juru Ukur dan sebagainya, kita akan dapati bahawa semua Praktik Professionalisma ini adalah dikawal oleh Akta-akta ataupun Rang Undang-undang yang tersendiri. Ini telah menyebabkan betapa meningkatnya taraf professionalisma di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin bahawa dengan pelaksanaan Rang Undang-undang ini Pentaksir dan Penilai di dalam negara kita akan mendapat pengiktirafan yang sejajar dengan professionalisma yang lain di dalam negara kita. Namun demikian, di sini sukalah saya menyentuh tentang seksyen (24) yang berkaitan dengan tindakan tatatertib dan lain-lain tindakan. Sukalah saya merakamkan penghargaan kepada Bahagian Penilaian Kementerian Kewangan atas kebijaksanaan mereka dengan membuat peruntukan mengenai kawalan tatatertib praktik Penilai dan Pentaksir. Saya percaya ini adalah bahagian yang penting sekali dalam Rang Undang-undang ini yang boleh disamakan sebagai nadi di dalam jiwa

manusia. Saya katakan demikian kerana jika sesuatu praktik tidak dikawal oleh peruntukan-peruntukan tata tertib, ianya tidak akan maju dan tidak akan dapat keyakinan dan penghormatan daripada orang ramai. Di sini sukalah saya menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan terutama sekali kepada Lembaga Penilai dan Pentaksir yang akan ditubuhkan di bawah Rang Undang-undang ini untuk sentiasa mengawal dan mengawasi dengan rapinya kegiatan-kegiatan dan praktik-praktik Penilai dan Pentaksir supaya keyakinan yang kita cita-citakan ini sentiasa kukuh. Dengan cara ini kita akan dapat menjamin bahawa Penilai dan Pentaksir akan terus memainkan peranan yang besar dan penting dalam usaha pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk berucap dengan panjang lebar berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, walau bagaimanapun saya berharap apa yang dibangkitkan oleh saya sebentar tadi akan mendapat perhatian dan pertimbangan pihak-pihak yang berkuasa.

Sekian sahaja dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir 1980.

5.52 ptg.

Tuan Tan Chang Soon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir 1980 serta mengambil bahagian dalam perbahasan. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan atas kebijaksanaannya untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua dengan pembangunan negara kita yang begitu pesat khususnya di dalam bidang pembinaan dan pasaran harta tanah, saya berpendapat bahawa sangatlah kena pada tempatnya Rang Undang-undang seperti ini dikemukakan dengan tujuan untuk memberi kuasa legal kepada Bahagian Penilaian, Kementerian Kewangan supaya menjalankan tugasnya dengan lebih cekap dan berkesan dan juga untuk mengadakan kawalan terhadap praktik penilaian dan pentaksir supaya menentukan mutu perkhidmatan pentaksir dan penilai kepada negara kita.

Namun demikian, setelah saya meneliti Rang Undang-undang yang telah diedarkan kepada saya, saya rasa perlu saya menyentuh tentang beberapa perkara, terutama sekali saya ingin menyentuh tentang Seksyen 10 Bahagian III yang berkaitan dengan Fungsi-fungsi Lembaga. Di sini ingin saya menegaskan dengan sekeras-kerasnya tentang tindakan tata tertib. Saya dapati bahawa Seksyen ini juga membuat peruntukan bagi Lembaga melantik satu jawatankuasa atau seorang timbangtara untuk mendengar dan memutuskan pertikaian-pertikaian yang berhubung dengan tatakelakuan atau etik profesional penilai dan pentaksir.

Saya sedar bahawa seperti juga dengan profesional-profesional yang lain seperti akitek, peguam dan sebagainya, penilai dan pentaksir juga memerlukan satu etik profesional supaya menentukan bahawa tatakelakuan seorang penilai atau pentaksir adalah setaraf dengan taraf profesionalnya, akan tetapi saya rasa kurang senang tentang kuasa Lembaga untuk melantik jawatankuasa atau seorang timbangtara untuk mengambil tindakan tata tertib terhadap seseorang penilai atau pentaksir.

Tuan Yang di-Pertua, rasa tidak senang saya ini berasaskan kepada kemungkinan jawatankuasa atau timbangtara yang dilantik adalah bebas daripada sebarang pengaruh. Saya katakan demikian kerana Lembaga Penilai dan Pentaksir yang akan ditubuhkan ini juga terdiri daripada mereka dari swasta dan mereka dari pihak awam. Di sini mungkin terdapat seseorang yang pertikaian-nya dirujuk kepada Lembaga Penilai dan Pentaksir adalah seorang yang mempunyai kaitan dengan ahli-ahli Lembaga yang akan membuat keputusan terhadap pertikaian. Dalam keadaan yang sedemikian keputusan yang bebas daripada pengaruh tidak dapat dicapai.

Saya berharap Lembaga Penilai dan Pentaksir yang akan ditubuhkan di bawah Rang Undang-undang ini akan memberi perhatian yang berat kepada perkara ini supaya menjamin taraf disiplin yang tinggi di antara penilai dan pentaksir supaya orang ramai dapat berpegang teguh kepada keyakinan mereka terhadap penilai dan pentaksir. Pada hemat saya jawatankuasa

atau seorang timbangtara yang akan dilantik ini patutlah dilantik daripada pihak bebas supaya menentukan bahawa keputusan yang akan dibuat adalah bebas daripada pengaruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk bercakap panjang lebar. Sekianlah sahaja dan terima kasih.

5.57 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk bercakap sedikit mengenai Rang Undang-undang ini.

Saya nampak dalam Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir ini bagus sebagaimana yang disuarakan oleh dua orang Senator tadi iaitu masanya sudah sampai supaya dibuat undang-undang yang seumpama ini. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya undang-undang ini maka amalan biasa yang dijalankan di tiap-tiap negeri akan terbatal dengan sendirinya dan ini mendatangkan satu kerumitan. Misalannya penjualan tanah, sebagaimana yang kita tahu yang biasa berlaku iaitu kalau seseorang itu hendak jual tanah dia pergi kepada Pemungut Hasil Tanah (Collector of Land Revenue) dan Pemungut Hasil Tanah itulah yang menilai tanahnya itu dihadapannya. Selepas dinilai dia saksikan pula penjualan itu; ini mengambil masa pendek sahaja. Apakala Collector itu sudah menilai tanah itu berdasarkan list yang ada di atas mejanya maka dia boleh meterikan surat jualan tanah itu dengan setem, dan selepas itu diserahkan kepada orang itu untuk diregisterkan. Inilah amalan biasa.

Sekarang ini dengan adanya undang-undang ini amalan itu terhentikan dengan sendirinya, tidak boleh dipakai lagi. Apakala tidak boleh dipakai lagi, orang yang hendak membeli tanah ataupun menjual tanah terpaksa pergi ke Pejabat Penilai dan Pentaksir dan serahkan borang itu kepada dia. Tidak boleh selesai satu hari, Tuan yang di-Pertua. Apakala telah diserahkan, dia akan menilai tanah ini. Cara menilai ini sebagaimana yang kita baca, kuasa-kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarahnya, Pengarahnya dan kepada Penilai-penilainya. Ketua Pengarah akan boleh pergi memasuki mana-mana bangunan, boleh pergi memasuki

mana-mana tanah untuk memeriksa dan mendapat segala dokumen-dokumen untuk memeriksanya. Kalau sekiranya tidak diberi kepadanya maka dendanya ialah \$5,000 ataupun 3 bulan penjara. Berkenaan dengan denda ini saya tidak puas hati, Tuan Yang di-Pertua, didenda \$5,000 tetapi kalau penjara 3 bulan sahaja. Perbezaan di antara \$5,000 dengan 3 bulan itu saya anggap tidak sesuai. Patutlah kalau dikatakan \$1,000 sebulan, kalau \$5,000 lima bulan. Tetapi ini dari mana 3 bulan \$5,000. Tetapi dalam kesalahan yang lain tidak begitu. Banyak undang-undang yang telah kita buat itu berlainan, tidak ada satu skel tentang kesalahannya \$1,000 denda, maka penjaranya sebulan, kesalahannya \$2,000 penjaranya 2 bulan, kesalahannya \$10,000 maka penjaranya sepuluh bulan, tetapi tidak begitu.

Lebih-lebih lagi kalau dilihat di Mahkamah Khadi, Mahkamah Syariah, kuasa yang diberi kepada Mahkamah Syariah hanya boleh mendenda sehabis-habis tinggi \$1,000 dan tidak lebih daripada 6 bulan. Jadi kita lihatlah kalau misalnya undang-undang khalwat, pergi sampai ke maksima \$1,000, penjaranya 6 bulan. Adakah menasabah \$1,000 dengan 6 bulan? Di sini \$5,000 dengan 3 bulan. Kerajaan negeri-negeri yang membuat undang-undang itu Kerajaan kita juga, Kerajaan Malaysia belaka. Saya sudah cakapkan tadi, saya bukan ahli undang-undang tetapi apabila membaca denda ini saya terperanjat, kagum melihat macam mana di negeri-negeri 6 bulan penjara \$1,000 denda dan di sini 3 bulan penjaranya \$5,000 denda. Tiada persesuaian.

Kuasanya diberi kepada Ketua Pengarah boleh masuk, boleh memeriksa dan sebagainya. Kalau dihalang akan dikenakan penjara kepada penghalang itu sampai 3 bulan atau \$5,000 dan kepada Pentaksir dan Penilai pula sebagaimana dikatakan tadi dalam Fasal 24. Di bawah Fasal 24 ini ada dinyatakan, tindakan tatatertib ke atas orang-orang yang menyeleweng. Sekiranya didapati telah bersabit atas sesuatu kesalahan a, b, c, d, hingga g, maka Lembaga bolehlah membuat satu perintah, Perintahnya:

“(i) membatalkan pendaftarannya”.
Lesen Penilai atau Pentaksir itu

boleh dibatalkan. Tidak mengapalah kerana mereka salah, batalkanlah.

- “(ii) menggantung amalannya selama satu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun.” Itupun molek juga. Macam orang membawa teksi kalau salah digantung lesen sampai 3 tahun.

Ketiga, ini saya tidak faham. “(iii) menegurnya”.

Menegur macam mana? Dalam bahasa Melayu “tegur” ini banyak sangat. Kadang-kadang orang sedang berjalan kita tegur dia, umpamanya Mamat berjalan di situ, kita tegur dia: “Eh Mamat” Itupun tegur juga. Adakah dengan sebab Pentaksir ini, dia berjalan dan menyeleweng kerja, kita tegur dia begitu? Itupun satu teguran. Kalau dikatakan amaran, katalah amaran. Berikan dia amaran supaya dia tidak mengamalkan lagi. Tetapi di sini di gunakan perkataan “menegur”. Pada pendapat saya ini tidak kenalah. Dalam Bahasa Melayu perkataan “menegur” ini bukan satu kesalahan yang dibuat maka boleh ditegur, tidak. “Tegur” ini kadang-kadang kerana kasih, orang yang kita kasih, dia berjalan di mana-mana kita pun tegur dia, seumpamanya seorang teruna berjalan, anak dara tegur dia, ataupun anak dara berjalan, teruna tegur dia. Jadi perkataan “menegur” di sini pada saya tidak kena.

Yang kedua, bahasa yang digunakan dalam undang-undang ini. Saya juga tidak berapa suka. Dahulu saya bercakap di dalam undang-undang kita sekarang ini janganlah kita mencemarkan bahasa. Sekarang ini undang-undang ini naskah sahnya dalam Bahasa Malaysia bukan bahasa Inggeris. Kalau Bahasa Malaysia hendaklah berdasarkan bahasa Melayu. Misalnya di dalam masalah “100” di muka 17 di bawah Seksyen 22. “100” dieja dengan “satu ratus”, orang tidak cakap “satu ratus” sekarang ini orang cakap “seratus”. “Tidak seorang pun boleh dibenar melakukan di bawah seksyen ini apa-apa perbuatan atau perkara itu selama lebih daripada tempoh sejumlah satu ratus lapan puluh hari”. “Satu ratus”, kalau Bahasa Malaysia yang standard yang digunakan sekarang ini “seratus”lah. Hingga di dalam note, wang Kerajaan Malaysia sendiri ejaan

“sepuluh” di dalam itu kalau dahulu “sa” itu disengkang “puluh”, sekarang ini “sepuluh” sahaja. Kalau “seratus” begitu juga. Kalau dahulu “sa-ratus” sa sengkang kemudian ratus, sekarang ini “seratus” sahaja. Itu di dalam wang kita sendiri. Tetapi dalam undang-undang saya tidak tahulah mungkin ada istilah baru.

Kalau kita lihat di muka 6, Seksyen 5(1) (a). Terjemah bahasa Inggeris “reasonable” dia kata “semunasabahnya.” Inipun saya tidak tahu. Perkataan “munasabah” yang betulnya orang Melayu pinjam dari perkataan Arab. Orang Arab kata “munasabah” orang Inggeris kata “reasonable”. Barangkali, saya tidak berapa faham bahasa Inggeris tetapi mungkin perkataan “reasonable” Arab kata “munasabah”. Kalau hendak dijadikan dia nama (noun) mestilah kita kata “kemunasabahnya”, tidaklah dikatakan “semunasabahnya”. “Apakala semenasabahnya perlu bagi maksud-maksud apa-apa” seperti yang dikatakan, jadi macam mana ayat yang canggung ini: apabila semunasabah perlu bagi maksud apa-apa. Ayat yang betul patutlah dikatakan, “apabila kemunasabahnya perlu. “Seperti perkataan “manfaat” jadi “kemanfaatannya” tidaklah dikatakan “manfaat” itu “semanfaatannya”. Dalam membuat undang-undang ini lebih-lebih lagi dalam bahasa Malaysia patutlah kita berhati-hati.

Kita lihat muka 5, perkataan “agen”. “Agen” ini perkataan ini walaupun perkataan Inggeris tetapi orang Melayu kata “ajen”. “Bertindak sebagai ajen harta tanah, tetapi ajen itu dia eja “agen” bukan “ajen”. Kalau sekiranya kita baca tidak boleh baca “agen” tetapi “agen” (again). Bertindak sebagai “agen-agen” (again-again) harta....(Ketawa). Fasal dia dieja dengan “g”. Di dalam segi bahasa ada juga tidak munasabahnya patut dipinda kerana ia adalah tidak merupakan bahasa Melayu yang standard.

Yang kedua seperti saya katakan tadi fasal denda, \$5,000 dengan 3 bulan tidak munasabah dan begitulah seterusnya. Walaupun saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana ianya dibuat untuk mengumpulkan segala undang-undang yang lain disatukan di bawah satu undang-undang. Ini adalah baik.

Walau macam mana sekalipun di dalam melaksanakan undang-undang sekarang ini mendatangkan kerumitan kepada orang-orang kampung khususnya. Orang-orang kampung sekarang ini apabila hendak menjual tanahnya di bawa surat jual beli itu ke Pejabat Tanah. Apabila sampai di Pejabat Tanah, Pejabat Tanah tidak pegang. Pejabat Tanah cuma menyaksikan sahaja jual beli itu, kemudian dia menyerahkan surat itu kepada pihak income-tax ataupun penilaian, di situ akan mengambil masa wallahualam, sebulan dua bulan itu ikut keadaanlah. Kalau kerja banyak mungkin akan mengambil masa dua tiga bulan barulah pergi nilai kemudian serah balik kepada dia barulah di setem. Apabila sudah disetem baru diserahkan ke Pejabat Tanah, kerana hendak mendaftarkan nama dia dan memotong nama tuan yang asal dan bubuh nama yang baru. Itupun kalau sekiranya Pejabat Tanah sebok akan memakan masa pula dua tiga bulan. Kita baca dalam suratkhabar kadang-kadang hampir setahun. Inilah yang menyusahkan orang kampung dengan sebab amalan-amalan yang seumpama ini.

Maka saya harap dengan adanya undang-undang ini bukan menyekat orang-orang kampung tetapi adalah memberi kelonggaran kepada orang kampung dan boleh menolong orang kampung supaya segera lagi.

Janganlah dengan adanya undang-undang ini adalah satu peluang kepada pegawai-pegawai yang menjalankan kerja tadi, apakala orang kampung datang kepadanya di kata; balikkah dahulu, kerja banyak tidak sempat dan sebagainya. Akhirnya orang kampung pun balik. Apakala balik dia pun mati. Dengan keadaan begitu berlakulah perkara-perkara yang tidak kehendaki atau tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Jemput.

6.11 ptg.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat

Senator Haji Mahmoud Salim Mohamad, Yang Berhormat Senator K. Kumaran dan Yang Berhormat Senator Tan Chang Soon yang telah memberi pandangan dan cadangan semasa perbahasan dan seterusnya menyuarakan sokongan mereka terhadap Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir 1980. Saya akan menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan secara am.

Bagi menggulung perbahasan ini sukalah saya menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini akan mencapai dua objektif utama iaitu untuk memberi kuasa legal kepada Bahagian Penilaian Kementerian Kewangan supaya bahagian itu dapat menjalankan fungsi-fungsinya dengan lebih cergas dan untuk menyatukan kuasa mengawal dan mendisiplin Penilai dan Pentaksir di bawah satu undang-undang yang dikawal oleh Menteri Kewangan. Kerajaan akan menentukan supaya pengawasan yang cergas dibuat ke atas penilai dan Pentaksir agar orang ramai akan menggunakan perkhidmatan mereka dipastikan dengan perkhidmatan professional yang bermutu dan berkelibar.

Pentaksir-pentaksir yang berdaftar juga akan dikawal dan Lembaga yang baru yang dicadangkan itu akan menentukan supaya latihan lanjut diberi kepada mereka yang meningkatkan lagi mutu perkhidmatan profesional mereka. Sebagai contoh, aktiviti-aktiviti Pentaksir-pentaksir yang didaftarkan di bawah Lembaga baru itu adalah dihadkan kepada kawasan-kawasan yang tertentu dan jumlah penilaian yang dilakukan oleh mereka adalah juga dihadkan.

Akan tetapi Rang Undang-undang yang dicadangkan ini mempunyai peruntukan yang akan membolehkan Pentaksir Berdaftar menaikkan taraf mereka kepada Penilai Berdaftar melalui peperiksaan-peperiksaan yang dijalankan oleh Lembaga Pemeriksa yang akan ditubuhkannya.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang saya katakan sekarang ini, saya percaya soal tentang tata tertib seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator K. Kumaran akan juga dikawal ketat oleh pihak-pihak berkuasa dan Lembaga Penilai dan Pentaksir. Saya tidak rasa ragu-ragu lagi bahawa

profesion Penilai dan Pentaksir akan mendapat pengiktirafan yang sejajar dengan profesionalismanya.

Untuk menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim Mohamad, saya fikir denda yang dikenakan adalah wajar dengan hukuman \$5,000 atau tiga bulan penjara. Saya percaya tuan-tuan punya tanah tidak akan mencegah Pegawai-pegawai Penilaian daripada menjalankan tugas mereka. Lain-lain pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim akan diambil perhatian.

Menyentuh tentang perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Chang Soon, ingin saya menegaskan di sini Lembaga yang akan ditubuhkan di bawah Rang Undang-undang akan menjalankan tugas-tugas dengan adil dan saksama. Perlu diingati bahawa Lembaga Penilai dan Pentaksir akan menimbangakan semua pertikaian-pertikaian yang berhubung dengan tatatertib secara berasingan, dan saya pernah yakin bahawa sebarang kawalan dan peraturan akan diambil untuk menentukan bahawa kemungkinan-kemungkinan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu tidak akan timbul. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengulas dengan panjang lebar dan sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi atas Rang Undang-undang ini.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua ekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan isetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang edua dan diserahkan kepada Dewan sebagai awatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangakan dalam Jawatankuasa.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 35 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 hingga III diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini cadangan bagi meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 adalah bertujuan bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan membiayai daripada Kumpulan Wang Pembangunan Persekutuan projek-projek perbekalan air negeri tanpa mengira sama ada sesebuah negeri itu telah menubuhkan Kumpulan Wang Khas bagi bekalan airnya ataupun tidak. Bagaimanapun, sekatan yang ada sekarang terhadap penggunaan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri berhubung dengan pembiayaan bekalan air mereka adalah terus dikekalkan. Pindaan ini akan dikuatkuasakan kebelakangan mulai dari 28hb Mac, 1969.

Mengikut peruntukan undang-undang yang ada sekarang Kumpulan-kumpulan Wang Pembangunan Persekutuan dan Negeri tidak boleh digunakan untuk membiayai projek-projek bekalan air bagi negeri-negeri yang

telah mempunyai Kumpulanwang bekalan airnya sendiri. Setakat ini adalah seperti yang terdapat di dalam proviso di perenggan (1) (j) Jadual Pertama Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966. Walau bagaimanapun, sekatan ini sebenarnya bukan bermaksud untuk dikenakan kepada Kumpulanwang Pembangunan Persekutuan. Oleh yang demikian, bagi membetulkan keadaan ini maka adalah perlu dipotong proviso di perenggan 1 (j) Jadual Pertama itu dan menghadkan sekatan ini kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri sahaja dengan memindahkan sekatan itu kepada seksyen 9 Akta berkenaan seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang tersebut.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bekalan air adalah merupakan satu perkara di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Sungguhpun demikian, pada masa sekarang kebanyakan daripada projek-projek ini adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sama ada dengan cara memberi pinjaman ataupun secara langsung. Ini adalah memandangkan bahawa bekalan air merupakan satu kemudahan asas yang penting dari segi kesihatan, sosial dan pembangunan masyarakat sedangkan kebanyakan kerajaan-kerajaan Negeri pula tidak berkemampuan untuk mengadakan kemudahan ini dengan lebih sempurna disebabkan penyediaannya memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh hal yang demikian, bantuan daripada Kerajaan Persekutuan merupakan satu sumber kewangan yang penting kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membiayai projek-projek bekalan air mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini adalah juga untuk menyelaras dan meyesuaikan peruntukan Akta tersebut dengan Akta Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980 yang telah diluluskan oleh Dewan ini di persidangannya baru-baru ini. Salah satu daripada tujuan Akta ini ialah supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menubuhkan Kumpulanwang Bekalan Air secara berasingan yang menggunakan sistem akaun perdagangan dan kendalikan oleh satu

pihak berkuasa bekalan air yang tersendiri. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan adalah sejajar dengan matlamat Akta ini.

Dengan pindaan-pindaan undang-undang yang dicadangkan ini, penyelarasan peruntukan undang-undang akan dibuat dengan peraturan-peraturan pembiayaan projek-projek perbekalan air Negeri oleh Kerajaan Persekutuan yang terdapat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah Rang Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.26 ptg.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengambil peluang berucap menyokong Bil ini kerana Bil ini adalah satu Bil yang menyelaraskan kedudukan kewangan negeri, kerana kita tahu sekarang, Tuan Yang di-Pertua, air ialah satu perkara yang mustahak kepada rakyat dalam masa mencari penyelarasan dan menambah baik taraf hidup rakyat. Akan tetapi masa sekarang ini dengan tidak ada pindaan tersebut setengah-setengah Kerajaan Negeri, Tuan Yang di-Pertua, masih kekurangan tenaga terutama membuat sesuatu rancangan yang berharga besar. Dengan yang demikian, saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini sudah patut dahulu lagi dikemukakan. Akan tetapi tidak lewat, Tuan Yang di-Pertua, dan bukan sahaja untuk membantu Kerajaan Negeri bagi mengadakan perkhidmatan air yang lebih baik kepada rakyat akan tetapi dapat menyelaraskan Undang-undang yang bersangkutan yang baharu diluluskan.

Saya dengan penuh hati, Tuan Yang di-Pertua, menyokong Bil ini. Akan tetapi dalam masa kita melaksanakan kehendak-kehendak Undang-undang itu kelak Kerajaan

Persekutuan haruslah memikirkan akan kedudukan Kerajaan-kerajaan Negeri itu sendiri kerana perlempahan rakyat umpamanya ke bandar. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini bukan sahaja patut diperbanyakkan akan tetapi pemberian kepada Kerajaan Negeri patut juga difikirkan supaya tidak ada perasaan ketinggalan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya di dalam pembukaan tanah yang besar di negeri-negeri Trengganu, Johor, Kelantan dan mungkin negeri-negeri lain lagi. Dengan sebab itu kewangan patutlah diperbanyakkan peruntukannya selaras dengan kehendak Rang Undang-undang dan juga berkehendakkan tenaga bagi melaksanakan projek ini. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua hasrat Kerajaan akan tidak dapat kita lakukan dengan baik.

Saya dengan rendah hati menyokong Bil ini, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih

6.28 ptg.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Husain yang telah mengambil bahagian memberikan pandangan beliau di dalam soal pindaan kepada Rang Undang-undang ini. Pada pendapat saya hasrat dan cita-cita Kerajaan Persekutuan terkandung di dalam kata-kata yang telah dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan pada pandangan

saya sememangnya kata-kata dan pandangan Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu lagi ditokok tambah oleh diri saya dan saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya berkemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 6hb Januari, 1981.

Dewan di tangguhkan pada pukul 6.30 petang.